


# NADI insan

FEBRUARI 1981  
KDN 0088/81  
ISSN 0126-9364  
\$1.00

- ASEAN: Kerjasama Jenis Apa?
- Nasib Sastera Melayu Di Singapura
- John Lennon: Man Behind The Myth



KAWASAN  
PERDAGANGAN  
BEBAS: DEMI  
KEPENTINGAN SIAPA?

Rasalah degup jantung rakyat, bacalah

# NADI insan

JANUARI 1981



## NASIB MALANG PEKERJA BINAAN

- Indonesia Terus Digadai
- Sajak W.S. Rendra
- Kartun: Kuku Besi Dikacip

WAWANCARA: ISMAIL HUSSEIN

JIMATKAN WANG

**NADI** TERUS  
KE RUMAH  
**insan** ANDA

6 bulan 1 tahun

Harga langganan \$5.50 \$10.00  
Anda menjimatkan .50s \$2.00

### BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:  
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

#### DISEMBER/20

- Wawancara: Chandra Muzaffar
- Sebalik Peristiwa Batu Pahat
- The Iraq-Iran War

#### NOVEMBER/19

- Boestamam: Dari KMM ke PSRM
- Amerika Syarikat Menyerap
- Peristiwa: Batu Caves & SEA Firebricks

#### OKTOBER/18

- Wawancara: Tan Chee Khoon
- Kesihatan Buruk: Masyarakat Sakit?
- Penawanan Masjidil Haram

#### SEPTEMBER/17

- Mustapha Musselin: Dari KMM ke UMNO
- Mangsa Revolusi Hijau di Muda
- Palestin: Bangsa Tanpa Watan

#### OGOS/16

- Keris Mas & ASAS 50
- AKDN 1960: Selepas 20 Tahun
- Siapa Menggadalkan Kuala Lumpur?

#### JULAI/15

- Khir Johari
- Media Cetak Sedang Dicekek?
- Gaji Baru: Istimewa Kepada Siapa?

#### JUN/14

- Michael Chen: Down, But Not Out
- Perkampungan Baru Selepas 30 Tahun
- Kemerdekaan Zimbabwe

#### MEI/13

- V. David: Undang-Undang Buruh
- Keganasan Senyap Di Tempat Kerja
- Perjuangan Bangsa Moro

#### APRIL/12

- Syed Kechik, Harta Banyak, Cita Besar
- Revolusi Hijau & Penanam Padi
- Keganasan Di Timor Timur

#### MAC/11

- Khatijah Sidek: Julie Christie
- Nasib Wanita Masakini
- Kedudukan Buruh Bertambah Buruk

#### FEBRUARI/10

- Seni Khat: Wajah Nahie
- Perusahaan Awam: Pagar Makan Padi?
- Dalang Soviet Di Afghanistan

#### JANUARI/9

- Wawancara: Aziz Ishak
- Keadaan Buruk Di Bank Buruh
- Harta Shah & Pergolakan Di Iran

#### DISEMBER/8

- Wawancara: Anwar Ibrahim
- Belanjawan Negara '80
- Pelabuhan Kuantan

#### NOVEMBER/7

- Yasmin Yusuf: Hassan Ibrahim
- Masalah: Pekebun Kecil Perumahan
- Peristiwa: Baling, Sg. Udang, Lubuk Kundong

#### OKTOBER/6

- S.M. Mohd. Idris; Dr. Burhanuddin
- Kanak-Kanak: Nasib Generasi Depan
- Dasar Luar Negara China

#### SEPTEMBER/5

- Wawancara: Dr. Mahathir
- Setinggan Di Kota
- Libya: Islam Dan/Atau Sosialis

#### OGOS/4

- Wawancara: Jln Shamsuddin
- Harga Minyak Meningkat: Siapa Untung?
- Perjuangan Di Selatan Afrika

#### JULAI/3

- Wawancara: Usman Awang
- RMS: Siapa Untung, Siapa Rugi
- Tenaga Suria - Pesaka Umum

# NADI insan

BILANGAN 22

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)  
 Peti Surat 26, Kajang, Selangor.  
 Redaksi : Dr. Mohd. Nasir Hashim (Ketua), Mohd. Daud,  
 Dr. Jomo K.S., C. Ng, Rohana  
 Pelukis : Jaseni, Lim,  
 Pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.  
 Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jln. Riong, K.L.

FEBRUARI 1981

- |                       |  |
|-----------------------|--|
| wawancara<br>nasional | 3 Tan Sri Ahmad Nordin<br>9 Kawasan Perdagangan Bebas<br>14 MTUC<br>15 Kerjasama Ekonomi ASEAN Gagal?<br>17 ASEAN—Metos dan Kebenaran<br>18 Amerika dan ASEAN<br>20 China dan Asia Tenggara<br>21 Pandangan Lee Kuan Yew<br>22 Pengkalan Kota<br>24 Al-Kisah Kapitalisme<br>28 Testamen Politik API<br>30 Kesusasteraan Melayu Di Singapura<br>32 Aku Berani<br>34 Rombongan Bas<br>40 John Lennon |
| antarabangsa          |  |
| peristiwa             |  |
| kartun                |  |
| sejarah               |  |
| sajak                 |  |
| cerpen                |  |
| seni                  |  |

*Tan Sri Ahmad Nordin*, Ketua Odit Negara, telah menarik perhatian umum pada akhir tahun 1980 apabila laporan tahunannya mengenai Johor telah dikemaskini dengan keras oleh Menteri Besar Johor. Ikutilah wawancara *N.I.* dengan beliau.



Dasar mengujudkan *Kawasan Perdagangan Bebas* atau Free Trade Zones (FTZ) merupakan sebahagian penting dari strategi perindustrian bertujuan eksport yang diamalkan di Malaysia sejak penghujung tahun 60an. Amalan serta akibat dasar ini diteliti dalam keluaran ini.



Bagi generasi muda yang berumur 20an dan 30an sekarang, pengaruh muzik *John Lennon* sukar dielakkan. Banyak yang telah diperkatakan mengenainya tetapi sebalik mitos ini, terdapat juga manusia yang penuh dengan kontradiksi.

**ASEAN** sering dilauung-laungkan sebagai badan kerjasama ekonomi sedangkan kejayaan dari segi ini setakat ini sungguh mengecewakan. Sebaliknya, ASEAN lebih bergiat dari segi politik keselamatan serantau ke arah yang sesuai dengan kepentingan kuasa-kuasa besar luar tertentu.

JIMATKAN WANG  
**NADI** TERUS  
insan KE RUMAH ANDA

## BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat \_\_\_\_\_

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:  
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

## 6 bulan 1 tahun

Harga langganan \$5.50 \$10.00  
Anda menjimatkan .50s \$2.00

## Di Luar Negeri

	Mel Biasa	Mel Udara
Asia Tenggara —	MS16	MS24
Asia Selatan,		
Asia Timur, Australia		
New Zealand —	MS16	MS28
Timur Tengah,		
Eropah ——————	MS16	MS36
( 4 ) ( £ 9 )		
Afrika, Amerika —	MS16	MS44
(USS8) (USS22)		

**(Langganan Setahun)**

# Pena Penyunting

Dari penghujung tahun enam puluhan, estet-estet per-industrian jenis baru telah timbul di Asia Timur dan di Mexico dekat dengan sempadan Amerika Syarikat. Estet-estet ini dikenali umum sekarang sebagai *Free Trade Zones* atau Kawasan Perdagangan Bebas (KPB). Penimbulan KPB ini sebenarnya merupakan sebahagian dari pembahagian kerja baru dalam ekonomi dunia yang dikuasai oleh syarikat-syarikat antarabangsa. Pembahagian baru ini adalah sesuai dengan keperluan syarikat-syarikat ini yang ingin mengurangkan kos-kos pengeluaran dengan menggunakan tenaga kerja serta kemudahan-kemudahan lain yang murah di negeri-negeri Dunia Ketiga yang sesuai. Kesan KPB ini terhadap negeri-negeri tuanrumah sudah jelas dan harus difahami umum.

Sejak kelahiran ASEAN, matlamat-matlamat ekonominya sering dilaung-laungkan. Walau bagaimanapun

bahagian perdagangan antara anggota-anggota ASEAN telah merosot dibandingkan dengan jumlah perdagangan yang dilakukan oleh pihak-pihak ini. Sebaliknya, kerjasama ASEAN dari segi diplomatik (terutama sekali terhadap masalah Indochina) serta keselamatan adalah jauh lebih berkesan. Keluaran ini juga mengandungi petikan-petikan dari FEER yang mencerminkan kecenderungan dalam hubungan antara negara China dan Malaysia.

Tan Sri Ahmad Nordin, Ketua Odit Negara, telah menarik perhatian umum setelah laporannya telah disifatkan oleh Menteri Besar Johor seperti siaran Suara Revolusi Malaya. Tugas-tugasnya patut diketahui umum kerana laporannya adalah amat penting bagi memastikan perbelanjaan awam yang wajar.

Testamen Politik API atau Angkatan Pemuda Insaf merupakan lambang dokumen nasionalis di kalangan belia selepas perang. Pengarangnya adalah tidak lain dari Datuk Haji Ahmad Boestaman yang telah memainkan peranan penting dalam gerakan antiimperialis zaman perang. Untuk memahami asas-asas gerakan ini, ikutilah petikan-petikan dari dokumen penting ini.



Bila di Melaka singgahlah di

## MOTEL TANJUNG KLING

Pantai Pengkalan Perigi  
Tanjung Kling  
Melaka.

Nombor Telefon:  
06 - 80652

### TAWARAN PENGENALAN PERCUMA!

NADI / NSAN MENGHARGAI SOKONGAN DAN MINAT ANDA KE ATAS MAJALAH KELUARAN KITA. KITA HARAP LEBIH RAMAI LAGI RAKAN-RAKAN ANDA AKAN MENYERTAI ANDA MEMBACA MAJALAHINI. SILA SERTAKAN NAMA DAN ALAMAT MEREKA DI BAWAHINI SUPAYA DAPAT KITA KIRIMKAN NASKAH TAWARAN PENGENALAN NADI / NSAN PERCUMA BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENGIKUTI DENGAN LEBIH DEKAT PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN YANG SEDANG BERLAKU DI RANTAUINI.

NAMA \_\_\_\_\_

ALAMAT \_\_\_\_\_

# TAN SRI AHMAD NORDIN: KETUA ODIT NEGARA

NI: Bolehkah huraikan secara ringkas mengenai latar belakang Tan Sri (TS) sebelum dilantik sebagai Ketua Odit Negara (KON)?

AN: Saya ini, seperti kata orang, berasal dari sekolah ataplah, dari Kelantan. Pada tahun 1949, saya masuk perkhidmatan pentadbiran negeri, sebagai Penolong Pegawai Daerah (ADO) dan sekejap menjadi DO. Pada tahun 1955, saya diberi peluang pergi belajar kerajaan tempatan di Australia untuk enam bulan. Kemudian pada bulan April 1957, saya masuk PTD (Perkhidmatan Diplomatik dan Tadbiran), masa itu dipanggil Malayan Civil Service ataupun MCS. Kemudian, pada awal tahun 1958, saya ditukar menjadi Penolong Setiausaha Negeri Pahang. Saya pernah juga berkhidmat selama lima tahun sebagai Setiausaha kepada Menteri Besar, pada masa itu, bapa kepada Tunku Razaleigh, dan juga sebagai Setiausaha kepada Majlis Kerajaan. Persekolahan saya terganggu pada zaman Jepun. Jadi tidak ada peluang untuk mendapat biasiswa dan sebagainya untuk melanjutkan pelajaran. Untuk lulus *School Certificate* pun kena belajar sendiri. Lagi pun, pada masa itu, peluang untuk mendapatkan pelajaran tinggi adalah terhad, kecuali untuk orang yang ada *patronage* (penaungan). Saya datang dari kampung, tak ada *patronage*, jadi nak bersaing dengan orang yang ada pengaruh itu, susahlah sikit.

## Malayan Civil Service

Sungguhpun saya cuba mendapatkan biasiswa ke Universiti Malaya, tetapi tak dapat. Galakan untuk belajar itu kuranglah, tidak seperti masa sekarang ini. Sebab pada zaman penjajah itu, pemerintah British itu tidak mengalakkan orang supaya mempunyai ilmu yang lebih tinggi, sebab ini merbahaya kepada mereka.



Pada zaman itu, (zaman peralihan pada penghujung zaman penjajahan) MCS itu tidak sangat mengutamakan kelulusan akademik. Sebab tak cukup orang. Saya berusaha memohon untuk masuk MCS itu. Dapatlah pada tahun 1957. Lepas merdeka, kerajaan itu masih seperti dulu lagi. Tetapi ahli-ahli exco itu dipilih, bukan dilantik kecuali 3 ahli ex-officio yang terdiri dari pegawai-pegawai kanan. Dengan cara itu, kita berdamping rapat dengan ahli politik.

Pada tahun 1963, saya ditukarkan ke Perbendaharaan Persekutuan di Kuala Lumpur. Inilah kali pertama saya

# Orang Minyak Rampas Harta Pusaka: Kisah Shell Sarawak

Walaupun Malaysia merupakan sebuah negeri yang kaya dalam sumber-sumber alam seperti minyak, namun ianya menghadapi satu masalah yang besar, iaitu kekurangan pegawai-pegawai yang mahir dan berpengalaman dalam hal minyak. Seperti yang didekah dalam Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (JKWN) berkenaan Laporan Ketua Odit Negara (KON) bagi kita-kita Kerajaan Persekutuan tahun 1974, yang baru terbit pada tahun 1980—Kerajaan Malaysia telah kehilangan sebanyak \$26 juta akibat kecuaian, ketidakcekapan dan kejahilan di kalangan pegawai-pegawai kanan yang bertanggungjawab atas hal minyak.

Kita dapat dari laporan ini, bahawa suatu perjanjian telah ditandatangani pada tahun 1973 antara kerajaan Malaysia dan Syarikat Shell di Sarawak. Mengikut perjanjian ini, Shell telah diberi hak istimewa untuk mencarigali, mengeluar dan menjual minyak dari Sarawak, kawasan perairannya serta continental Shelf dan sebagai pampasan, kerajaan Malaysia akan dibayar royalti. Dalam bulan Januari 1974, tanpa kebenaran daripada Perbendaharaan, Kementerian Perusahaan Utama telah membuat keputusan mengutip royalti ini dengan minyak mentah dan bukan wang tunai.

ditukarkan ke pejabat persekutuan. Dulu, pejabat negeri sahaja. Di Perbendaharaan itu selepas beberapa bulan pula, saya dilantik untuk memeriksa rancangan-rancangan dan cadangan-cadangan daripada Kementerian-kementerian untuk mendapatkan peruntukan wang bagi anggaran perbelanjaan mereka bagi tiap-tiap tahun.

## Perbendaharaan

Pada masa itu orang yang bekerja dalam bahagian belanjawan itu cuma tiga orang sahaja. Sekarang dah

## Cukai Petroleum

Menurut Seksyen 24(2) dalam Akta Cukai Pendapatan Petroleum 1967, syarikat minyak yang membayar royalti tersebut daripada cukai yang dikenakan. Berekoran daripada ini, Kerajaan Malaysia telah kehilangan hasil cukai pendapatan petroleum sebanyak \$20 juta.

Walaupun Shell Sarawak melalui dua pucuk surat kepada Kementerian Perusahaan Utama telah bersetuju membayar balik \$20 juta ini kepada Kerajaan Malaysia, namun, akibat kecuaian pegawai-pegawai kanan di Kementerian ini, Syarikat Shell di Sarawak masih belum membayar \$20 juta itu setakat ini. Mengikut bekas pegawai kementerian berkenaan, kecuaian ini berlaku oleh kerana beliau yang kini menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, tidak memberitahu pengantinya tentang hal ini.

## Syarikat Shaheen

Tambahan lagi, pada bulan Oktober 1973, Kementerian Perusahaan Utama bagi pihak Kerajaan Persekutuan telah menandatangani suatu perjanjian yang berkuatkuasa selama 10 tahun dengan Syarikat Shaheen, sebuah syarikat pembeli minyak yang berpusat di Amerika Syarikat. Mengikut perjanjian ini, Syarikat Shaheen bersetuju membeli minyak mentah yang diterima

ada dalam tiga puluh orang. Sebab masa itu, perbelanjaan kerajaan Persekutuan itu cuma perbelanjaan mengurus, tak sampai seribu juta. Sekarang, sudah menjadi 14 ribu juta! Tetapi dengan cara bertugas dalam hal belanjawan, saya berpeluang mendapat pengalaman yang luas tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan. Dalam tahun 1968, saya menjadi ketua dalam bahagian itu, iaitu sebagai Pengarah Belanjawan yang bertanggungjawab bagi pihak Kementerian Kewangan untuk keluluskan jumlah Belanjawan Negara.

Saya sepatutnya bersara dari MCS pada awal 1976,

Ana Khamis

oleh Kerajaan Malaysia sebagai royalti.

Walaupun salah satu dari syarat-syarat perjanjian ini mengatakan bahawa pembayaran untuk minyak mentah yang dibeli oleh Syarikat Shaheen mesti dibuat melalui surat piutang (letter of credit) sekurang-kurangnya 10 hari sebelum minyak dimasukkan ke dalam kapal, syarat ini tidak dipatuhi. Akibatnya Kerajaan Persekutuan telah kehilangan hasil sebanyak \$6 juta berekoran dari benkrapnya Syarikat Shaheen itu! Pegawai yang mengetuai Bahagian Petroleum di Kementerian Perusahaan Utama pernah mengaku bahawa beliau tidak tahu tentang apa dia surat piutang atau cara kendaliannya!

## Shell Sarawak

Mengikut laporan KON itu lagi, walaupun salah satu dari syarat-syarat perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dan Syarikat Shell di Sarawak memerlukan kerajaan menempatkan pegawai-pegawai ditempat dan pada masa minyak mentah disukat atau ditimbang (yang seterusnya akan menentukan royalti yang patut dibayar oleh Shell). Kementerian Perusahaan Utama tidak pernah menempatkan sesiapapun! Akibatnya, tiada sesiapapun kecuali pegawai-pegawai kanan Shell yang tahu sama ada royalti yang dibayar oleh Shell adalah yang berpatutan!



tetapi oleh kerana tak cukup orang yang ada pengalaman, Allahyarham Tun Abdul Razak suruh saya duduk dua tahun lagi dalam MCS. Saya tidak bermimpi pun saya boleh menjadi KON. Tetapi, jawatan KON telah menjadi kosong pada awal tahun 1976. Jadi, jawatan itu telah ditawarkan kepada saya dan saya telah dilantik pada bulan Mei, 1976.

Bila saya ada di situ, saya kena belajar semula, tetapi dengan pengalaman dalam Perbendaharaan itu, tidak ada banyak masalah. Cuma yang menjadi masalah sikit dalam hal odit ini, tidak hanya bertugas atas dasar sahaja. Sekarang, tugas ini berlainan sedikit. Sungguhpun kena tahu dasar ini, tetapi yang lebih utama ialah apa yang terjadi apabila sesuatu dasar itu dilaksanakan-sama ada yang berpijak daripada dasar itu menepati dasar. *The result or the impact of the policy must be measured with respect to the objective. So, that is the essence of auditing. You want to know what is the result of goverment activities.*

NI: Apakah tugas T.S. sebagai KON?

TS: KON dilantik oleh Agung mengikut Fasal 105 Perlembagaan Malaysia di atas nasihat Perdana Menteri. Ia tidak boleh dibuang kerja semasa memegang jawatan supaya kerjanya tidak terganggu dan bebas. Ia hanya boleh disingkir dengan satu proses serupa dengan penyingkiran seorang hakim.

Jabatan Odit itu adalah luar daripada Executive, seperti kedudukan mahkamah kita - bebas. *We arbitrate on financial matters on behalf of parliament.* Laporan saya dibentangkan di Parlimen, walaupun saya bebas dari kawalan politik. Perlembagaan kita mengarahkan supaya semua kira-kira kerajaan pusat, kerajaan negeri dan badan-badan berkanun disemak oleh KON untuk dibentangkan ke Parlimen. Undang-undang Odit 1957 mengesahkan kuasa hanya kepada KON sahaja, dan tidak kepada pegawai-pegawaiannya. Walaupun pegawai-pegawai odit adalah kakitangan kerajaan, mereka hanya mendapat arahan daripada saya sahaja, dan tidak daripada mana-mana menteri pun. Bagi tugas saya, undang-undang telah menetapkan 5 perkara untuk diudit, tetapi yang mustahaknya, menentukan sama ada sesuatu peruntukan dibelanjakan mengikut kehendak-kehendak yang diluluskan. Misalnya, kalau sebuah sekolah membuat perjanjian dengan seorang kontraktor supaya dibekalkan seribu biji telor, kadang-kadang yang tak diterima, dikatakan terima. Ini boleh berlaku. Maka pegawai Odit itu sekali-sekala membuat *spotcheck* untuk memastikan telor itu diterima. Gurubesar itu kena menentukan bahawa ia benar-benar menerima barang itu mengikut apa yang dipersetujui dalam tender. Dia menyediakan bucer supaya pembayaran dibuat. Pembarayan dibuat oleh pejabat Akauntan Negara. Kami di Jabatan Odit mesti mengesan balik semua ini supaya wang ini tidak

tercicir. Itulah tugas kami yang pertama; menentukan bahawa rekod kira-kira itu boleh dipercayai — *the reliability of accounts.*

Tugas yang kedua ialah memastikan bahawa wang itu digunakan mengikut peruntukannya. Tiap-tiap perbelanjaan ada jenisnya, dan adalah salah kalau wang itu digunakan lain daripada apa yang diperuntukkan. Begitu juga sekiranya orang ramai sepatutnya menerima gaji seribu ringgit sebulan, entah macam mana buat sahabat dengan Ketua Jabatan, dia bayar \$1,200. Perbuatan itu sudah melanggar peraturan sebab sudah membayar lebih daripada yang ditentukan bagi orang itu. Ini dikawal supaya tidak ada penyelewengan dari segi yang ditetapkan oleh undang-undang dan apa yang diamalkan. Ini dipanggil odit undang-undang (*legal Audit*). Kedua-duanya odit akaun dengan odit undang-undang — diamalkan.

Tugas ketiga pula adalah untuk memastikan bahawa perlaksanaan rancangan adalah mengikuti apa yang dirancangkan. Memang ada jenis perkhidmatan awam yang tidak dapat diukur, tetapi kebanyakannya dapat diukur. Misalnya, pembinaan sekolah, klinik dan sebagainya. Ini dapat dilihat, apakah dibina atau tidak. Tetapi apakah perkhidmatan tertentu telah disampaikan atau tidak sukar untuk dipastikan.

Apabila sesuatu projek dilaksanakan dan belanjanya telah habis, tentulah pihak yang melaksanakannya akan mengaku dia berjaya. Kalau tak berjaya, takkan dia nak cakap. Kalau macam soal klinik tadi, saya tak beritahu orang yang klinik ada di situ; orang ramai sendiri tahu; tapi jikalau doktor tak ada di klinik, maknanya orang ramai tak dapat faedah dari klinik itu; takkanlah Kementerian Kesihatan akan memberitahu orang ramai tidak ada doktor. Kemudian orang marah klinik sudah ada tapi tiada doktor; barulah Kementerian bergerak. Tetapi kadang-kadang kalau tidak ada *complaint* dia senyap begitu juga. Apa yang baik itu kita laporkan juga sebab orang yang melaksanakan itu boleh beritahu orang ramai sendiri. Tapi apa yang tidak sampai, janji-janji itu saya rasa orang ramai patut tahu juga sebab-sebabnya; bukannya semata-mata kita hendak memburukkan kedudukan sesuatu, bahkan supaya pihak kerajaan itu bertanggungjawab.

Dulu terdapat klinik di merata-rata tempat, tapi doktor tak cukup. Oleh itu, perlunya jenis odit baru — iaitu odit prestasi atau *Performance Auditing*.

Ada tiga jenis odit ini. Odit prestasi ini boleh dilihat

. . . . kami juga akan dapati perkara-perkara membazir yang berlaku di negeri-negeri lain. Misalnya, di Negeri Sembilan kilang gula itu rugi. Kerajaan Trengganu buat garam. Habis setengah juta tetapi garam tak ada. Wang habis.

# Penyelewengan Di Johor Mengikut KON

Ana Khamis

Marilah kita mengulas laporan Ketua Odit Negara (KON) untuk mengetahui mengapa Menteri Besar Johor, Tan Sri Osman Saat, telah menyamakannya dengan suara Revolusi Malaysia.

Dalam laporan ouditnya bagi tahun 1977, mengenai kerajaan Negeri Johor, KON telah menegur kerajaan Negeri Johor kerana prestasi kewangannya. Mengikut KON, perbelanjaan telah dilakukan tanpa persetujuan sebelumnya oleh Dewan Undangan Negeri. Beliau juga menegur jabatan kerajaan kerana menggunakan wang kerajaan bagi maksud yang lain daripada apa yang tercatit dalam rekod Perbadanan. Umpamanya, wang sebanyak \$1,317,255 dari Tabung Amanah Pendahuluan (untuk pegawai-pegawai kerajaan) telah digunakan untuk tujuan-tujuan selain dari apa yang telah ditetapkan bagi Tabung ini. Sehingga kini, wang ini masih belum dibayar lagi.

## Tanah Untuk Pegawai

Dalam tahun 1977, terdapat pembayaran berlebihan bagi sekeping tanah seluas 54 ekar telah diperolehi; mengikut Pengutip Hasil Tanah, harganya ialah \$1,226,770. Namun demikian mengikut boucer-boucer wang sebanyak \$2,352,240 telah dibayar sebagai Pampasan untuk memperolehi tanah ini. Wang sebanyak \$37,000 telah dibelanjakan untuk meruntuhkan rumah-rumah di atas tanah ini. Perbezaan antara harga kedua dan harga pertama itu ialah sebanyak \$21,089.

KON mengecam kerana tidak mengutip premiam atas tanah yang telah diasingkan kepada pegawai-pegawai kerajaan di Sermin, Segamat. Dalam tahun 1970, tanah

seluas 2,090 ekar telah dibahagikan kepada 39 orang pegawai kerajaan untuk penanaman getah. Tanah ini telah dibahagikan menjadi 30 bahagian.. Dua orang pegawai telah mendapat 120 ekar seorang dan 37 orang yang lainnya telah menerima 50 ekar seorang.

Dalam bulan Januari 1972, kebenaran telah diberi untuk menanam kelapa sawit atau getah atas tanah berkenaan. Premiam sebanyak \$25 bagi setiap ekar serta bayaran \$10 untuk pendaftaran setiap bahagian telah dikenakan tetapi, setakat ini, premiam dan bayaran pendaftaran yang berjumlah \$52,640 masih belum dikutip.

## Pesta Pembangunan

Ketua Odit Negara menegor Kerajaan Negeri kerana membelanjakan \$6.6 juta untuk Pesta Pembangunan 1977. Mengikut laporannya pada tahun 1977, 54 ekar tanah telah dibeli dengan harga \$1,197,900 iaitu dengan 50 sen bagi setiap kaki persegi. Wang sebanyak \$24,900 telah dibelanjakan untuk meruntuhkan rumah-rumah yang terdiri di atas tanah ini. Kerajaan negeri tetap mahu membeli tanah ini walaupun mengikut Pengutip Hasil Tanah bagi Batu Pahat, tapak lain seluas 40 ekar yang berharga hanya \$500,000 boleh didapati. Tender yang paling murah tidak diterima. \$1,461,833 telah dibelanjakan untuk membina gerai-gerai makan tetap, gerai-gerai malam, sebuah sekolah ugama dan parit-parit yang bersimen. Tender yang diterima bukanlah tender yang paling murah. Sekiranya tender yang paling rendah diterima, wang

sebanyak \$178,569 boleh dijimatkan. Kemudahan telah disiapkan selepas pesta itu diadakan. Wang sebanyak \$98,953 telah dibelanjakan bagi pembinaan parit-parit konkrit dan sebuah taman permainan lalu lintas. Segala pembinaan siap hanya pada bulan Disember 1977, lama selepas Pesta Pembangunan diadakan.

Wang sebanyak \$127,580 telah dibelanjakan bagi menyewa dan memasang lampu-lampu sementara untuk gerai-gerai. Perbelanjaan ini adalah lebih tinggi dari apa yang ditawarkan dalam tender-tender lain. Wang sebanyak \$34,043 pula telah dibelanjakan bagi memasang lampu-lampu dalam bangunan. Kerja pemasangan tidak dilakukan dengan baik dan akibatnya wayar-wayar yang tergantung di hadapan bangunan-bangunan ini terdedah dan boleh dilihat. Lampu-lampu ini tidak pernah digunakan sejak tamatnya Pesta.

## Gerai-gerai

24 unit rumah yang telah dibina dan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$202,608 serta gerai-gerai malam tetap yang berharga \$82,032 masih belum diperuntukkan kepada orang ramai walaupun rumah-rumah dan gerai-gerai ini telah siap dibina lebih dari setahun sebelumnya. Tambahan lagi, sebanyak \$506,363 telah dibelanjakan bagi pembinaan gerai-gerai pamiran, gerai-gerai makan, tempat rihat dan tandas-tandas. Kesemua kemudahan ini telah pun diabaikan sejak tamatnya pesta itu.

KON juga menegur kerana tidak mempelawa tender-tender untuk membuat filem-filem mengenai pesta itu. Mengikutnya, kontrak bagi membuat filem itu telah diberikan kepada sebuah syarikat swasta. Pada mulanya, perbelanjaan yang dijangka ialah \$70,000; kemudian dinaikkan kepada \$80,000. Akhirnya perbelanjaan yang sebenarnya dilakukan ialah \$110,000. Sebahagian daripada jumlah ini boleh dijimatkan, mengikut KON, sekiranya Filem Negara telah diminta membuat filem itu. **NI**

dari beberapa segi. Dari segi cara perlaksanaan — itu dipanggil *operational audit*. Dari segi pengurusan — *management audit* dan dari segi hasil natijah daripada suatu rancangan pula — *program audit*.

Kami tidak mampu melakukan semuanya. Itu mustahil! Jika hendak buat semuanya, barangkali memerlukan sepuluh kali ganda bilangan kakitangan saya sekarang. Oleh itu, kami mesti merancangkan kerja kami supaya meliputi bidang-bidang yang penting. Biasanya seorang Menteri akan mengumumkan sesuatu rancangan dan jumlah wang yang akan digunakan untuknya. Jikalau projek itu berjaya, dia akan menyiar kan kejayaannya. Jika gagal, dia akan senyap sahaja. Jadi, mestilah ada pihak yang sanggup dimaki dalam usaha mendedahkan penyelewengan demikian supaya orang ramai boleh diberitahu. Sebenarnya, wang yang dibelanjakan itu datang daripada rakyat juga.

**NI:** Kenapa odit prestasi ini merupakan bidang yang baru?

**TS:** Amalan ini dibuat di Malaysia dengan secara lebih luas dalam 3–4 tahun ini sahaja. Saya pinda undang-undang untuk memberi kuasa membuat *performance audit* ini pada tahun 1978, sebab konsep *performance auditing* adalah konsep baru yang perlu memandangkan peranan kerajaan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang jauh lebih luas dari zaman penjajah dulu — terutama sekali dari segi pembangunan dan perniagaan.

**NI:** Apakah sikap jabatan-jabatan kerajaan terhadap odit prestasi?

**TS:** Ini merupakan konsep baru yang mereka tidak berapa suka kerana kami pergi selidik. Dulu kami selidik akaun saja. Tapi sekarang kami pergi selidik fail, kami pergi tengok cara-cara dia menjalankan kontrak misalnya, dan sebagainya. Tetapi undang-undang yang dipinda pada tahun 1978 itu dengan persetujuan semua menteri-menteri disetujui di Parlimen. Orang tak boleh kata saya tak boleh buat, cuma bagaimana cara yang nak dibuat. Jadi cara *performance audit* itu penting. Kami mesti tahu apa objektif tiap-tiap satu rancangan itu mesti jelas.

**NI:** Tetapi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atau *Public Accounts Committee* (PAC) ini adalah badan yang lama, kan?

**TS:** Konsep PAC ini telah wujud sebelum merdeka lagi. Sebelum menjadi Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dulu juga pernah menjadi ahli PAC sebagai *backbencher*. Laporan PAC dibentang kepada Parlimen untuk pengetahuan untuk Ahli Parlimen (MP). Tentulah 154 orang



MP tidak boleh bermesyuarat untuk mengkaji laporan itu dengan teliti. Jadi kenalah melantik satu jawatankuasa. Antara jawatankuasa-jawatankuasa yang ada dalam Parlimen, PAClah yang paling berkuasa sekali. Tugas PAC ini ialah untuk mengkaji kira-kira kerajaan.

**NI:** Siapakah yang menganggotai PAC?

**TS:** Pada masa sekarang, PAC dianggotai oleh sembilan orang, semuanya MP termasuk dua ahli pembangkang, seorang dari PAS dan seorang dari DAP, yang lain dari parti Kerajaan. MIC tidak ada sebab semua ahli MIC dalam Parlimen telah menjadi menteri, dsb. Menteri itu tidak boleh menjadi ahli kerana pihak menteri itu adalah orang yang membuat keputusan. Orang yang menjadi ahli itu mahulah *backbencher* yang tidak ada kena mengena dengan Kerajaan. Itulah peraturannya.

**NI:** Apakah hubungan T.S. dengan PAC?

**AN:** PAC itu memeriksa laporan saya. Maka, apabila ada perkara yang hendak disiasat oleh PAC itu, mereka minta pertolongan daripada saya oleh kerana mereka ini tidak tahu apa selok-belok teknikal dalam kerajaan ini. Saya menjadi orang perantaraan. Laporan yang mereka periksa itu adalah laporan saya. Mereka berhak meminta nasihat saya walaupun mereka tidak semestinya menerima nasihat saya. Biasanya, saya minta pertolongan jawatankuasa menyiasat perkara-perkara yang penting. Misalnya, apa sebabnya sesuatu projek itu telah gagal. Dalam keadaan begitu, saya menasihatkan mereka

Saya ada menyentuh tentang perbelanjaan mengadakan pesta dan benda-benda yang telah dibuat itu telah tinggal terbiar. Saya berpendapat itu membazir. Tetapi kalau orang kata tidak membazir, itu pendapatnya. Tetapi jika sesuatu itu boleh dinampak, maka *the facts speak for themselves*.

supaya panggil orang yang tahu dalam hal ini. Biasanya, kita minta pegawai parlimen, iaitu *secretariat* parlimen *summon* orang berkaitan supaya memberi penjelasan.

NI: Dari pengalaman T.S. mendapati berbagai kelemahan dan penyelewengan. Bolehkah T.S. terangkan secara am macam mana agaknya?

AN: Dari segi penyimpanan kira-kira, itu boleh direka. Tetapi, jika direka, kita boleh tahu. Harapan kita, semua orang jujur. Tetapi ini tidak boleh terjamin. Ada orang

**Sebab pada zaman penjajah itu, pemerintah British itu tidak menggalakkan orang supaya mempunyai ilmu yang lebih tinggi, sebab ini merbahaya kepada mereka.**

yang suka mengambil peluang. Kalau kita tidak jaga hal ini, ada kemungkinan bahawa kebocoran akan berlaku. Misalnya, di Sarawak baru-baru ini, *Special Branch Officer* yang membakar bangunan itu telah mengambil duit yang dipegang. Duit itu ialah wang untuk kerja-kerja rahsia yang IGP beri kepadanya untuk beberapa rancangan, untuk mendapatkan *information* tentang gerakan komunis dan sebagainya. Dia patut bayar duit ini kepada informer. Tapi, oleh kerana barangkali dia tidak biasa memegang duit sebanyak ini, kelabu matalah sikit. Keadaan sebegini boleh berlaku.

NI: Baru-baru ini, Menteri Besar Johor telah membuat tuduhan terhadap *performance auditing* oleh pihak KDN.

AN: Saya ada menyentuh tentang perbelanjaan mengadakan pesta dan benda-benda yang telah dibuat itu telah tinggal terbiar. Saya berpendapat itu membazir. Tetapi kalau orang kata tidak membazir, itu pendapatnya. Tetapi jika sesuatu itu boleh dinampak, maka *the facts speak for themselves*. Saya fikir ini menjadi satu peristiwa oleh kerana perkara ini dilaporkan oleh satu suratkhabar. Pada halnya, laporan tentang perlaksanaan rancangan bagi tiap-tiap negeri itu biasanya ada penyelewengan juga tetapi tidak dimasukkan ke dalam suratkhabar.

NI: Apakah T.S. menggambarkan bahawa ada masalah yang serupa juga di negeri-negeri lain?

AN: Ini bukan gambar. *It's a fact*. Jika kami baca laporan-laporan KON yang lain, kami juga akan dapat perkara-perkara membazir yang berlaku di negeri-negeri lain. Misalnya, di Negeri Sembilan kilang gula itu rugi. Kerajaan Trengganu buat garam. Habis setengah juta tetapi garam tak ada. Wang habis. Tetapi perkara itu tidak diberitakan dalam akhbar. Sebab itu tidak timbul.

NI: Apabila penyelewengan-penyelewengan seperti ini berlaku, adakah PAC berkuasa untuk bertindak untuk

mengatasi punca masalah ini?

AN: Tiap-tiap Dewan Undangan ada PACnya sendiri. Dan bidang tugas mereka masing-masing lebih kurang sama juga, seperti PAC Parlimen juga. Dan memang ada kuasa mereka untuk mengambil apa-apa tindakan yang mereka fikirkan perlu. Tetapi itu terpulang kepada jawatan kuasa berkenaan. *There is no penalty for not doing anything*. Cuma boleh jadi pihak yang melantik mereka itu mungkin pilih ahli lain pula.

NI: Kenapakah laporan-laporan ini biasanya dikeluarkan beberapa tahun selepas perkara berlaku?

TS: Ini bergantung kepada prosesnya. Pertamanya, kita tidak boleh membuat laporan sehingga kira-kira kerajaan itu ditutup. Mengikut undang-undang, Akauntan Negara mesti menghantar penyata kira-kira tadi kepada saya (KON) untuk dioditkan tidak lewat dari 31hb Julai tahun kemudiannya. Proses untuk mengodit ini memakan masa lebih kurang enam bulan; kadang-kadang sampai setahun. Ini bergantunglah kepada mutu akaun yang dibuat. Ada setengah sektor swasta yang tidak boleh menutup akaun mereka disebabkan oleh laporan yang kucar-kacir. Jadi, Oditor tidak boleh menjalankan kerja. Proses inilah yang melambatkan laporan-laporan ini dikeluarkan.

NI: Apakah langkah atau cara bagaimana orang awam dapat meneliti perbelanjaan awam untuk menjamin penyelewengan tidak berlaku?

TS: Secara umum, saya rasa cara yang paling berkesan untuk menyedarkan rakyat ialah dengan memberi maklumat yang secukupnya. Keduanya minat, iaitu minat terhadap apa yang berlaku. Kita patut belajar dari sejarah oleh kerana *we are only wiser after the event*. Tujuan belajar dari sejarah adalah untuk memperbaiki masa depan. *We use our hindsight in order to improve the foresight of people who plan things*. Orang ramai boleh mengambil berat dengan menyuarakan apa yang mereka tidak puashati dengan cara positif dan mengambil inisiatif membuat teguran-teguran yang membina jika ada apa-apa yang tidak memuaskan hati. Tetapi bukanlah hanya mencari kesilapan sahaja. Tetapi untuk turut mengambil bahagian saya rasa kita mestilah tahu serba sedikit apa yang berlaku dan bagaimanakah ianya berlaku serta apa punca-puncanya. Bagi pihak saya, Insyaallah, akan kami berusaha sedaya upaya kami untuk memenuhi segala apa yang dijanjikan dan apa yang telah dipenuhi agar kita semua mendapat nilai sepenuh daripada wang kita.

**Secara umum, saya rasa cara yang paling berkesan untuk menyedarkan rakyat ialah dengan memberi maklumat yang secukupnya.**



# KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS

## DEMI KEBAJIKAN SIAPA?

Nampaknya, satu-satunya cara yang paling sesuai dan baik sekali untuk membawa Malaysia ke dunia perindustrian ialah dengan memperkenalkan Kawasan Perdagangan Bebas (KPB); dan pada ramai orang, perindustrian semestinya memerlukan KPB.

Bagi mereka yang menyokong pembangunan demikian, KPB adalah merupakan satu jalan keluar yang baik untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi dan kemunduran yang kita alami selama ini; dan mereka sudah tentu mempunyai alasan-alasan untuk dasar ini.

Tetapi sejauh mana KPB ini telah mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh perancang-perancang pembangunan kita masih lagi menjadi tanda tanya. Apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan KPB ini?

### Maksud KPB

KPB ataupun dalam Bahasa Inggerisnya Free Trade Zones, (FTZ) adalah merupakan sebuah kawasan berpagar yang letaknya berdekatan dengan pengkalan masuk antarabangsa sesebuah negeri itu. Ianya direka semata-mata untuk kepen-

tingan firma-firma yang melabur di sini (kebanyakannya firma-firma asing, termasuk yang bergabung dengan firma-firma tempatan). Ini adalah untuk memberi kemudahan-kemudahan mengimpor bahan-bahan mentah atau keluaran-keluaran yang hampir siap tanpa dikenakan cukai serta mengusaha, memproses dan memasangnya untuk dieksport.

Industri-industri di kawasan-kawasan ini, sama ada ianya merupakan industri usaha sama di antara syarikat asing dengan pihak tempatan ataupun tidak, diberi keistimewaan-keistimewaan tertentu seperti pengecualian penuh atau separuh dari undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan; pengecualian dari cukai-cukai pendapatan; penghantaran keuntungan tanpa sekatan serta kadar sewa dan kemudahan-kemudahan awam lain yang rendah.

Badan-badan kerajaan menolong mendapatkan tenaga-tenaga pekerja yang murah. Untuk menarik minat pemodal-pemodal asing, agensi-agensi ini ditugaskan supaya menyediakan tanah, bangunan-bangunan kilang, bekalan elektrik, air, dan kemudahan-kemudahan untuk

firma-firma asing di sini.

### Kedudukan KPB

Hampir semua KPB ini terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia, misalnya di Bayan Lepas. Pulau Jerejak, Dermaga Prai dan Seberang Prai di Pulau Pinang; Sungai Way/Subang, Teluk Panglima Garang, Ampang/Ulu Kelang di Selangor; di Batu Berendam dan Tanjung Keling di Melaka dan Senai dan Pasir Gudang di Johor.

Kononnya, KPB tidak boleh maju di pantai timur Semenanjung Malaysia atau di Sabah dan Sarawak kerana kemudahan-kemudahan yang perlu, seperti pelabuhan-pelabuhan untuk industri-industri eksport, kurang memuaskan atau tidak cukup menarik.

### Mengapa KPB?

Mungkin ramai yang bertangganya apakah hasil daripada pengenalan KPB. Seperti kebanyakan negara-negara di Dunia Ketiga, Malaysia telah lama menghadapi masalah-masalah kemunduran ekonomi akibat dari sejarah penjajahan. Bagaimanapun, selepas Malaya mengistiharkan kemerdekaannya

pada tahun 1957 dan diikuti pula dengan pembentukan Malaysia pada tahun 1963, masalah kemunduran ekonomi kita masih berterusan.

Pada tahun-tahun enam puluhan, dasar penggantian import telah diamalkan sebagai strategi perindustrian untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ekonomi kita. Namun, strategi yang diamalkan ini telah menemui masalah dan halangan. Pada hujung tahun 60-an, perancang-perancang ekonomi kita telah mengalih kepada dasar perindustrian bertujuan eksport.

Menurut penasihat-penasihat Barat, KPB adalah jawapannya. Cadangan ini menganggap perindustrian itu semestinya bertujuan eksport.

Mengikut pakar-pakar ini, KPB boleh mencapai ketiga-tiga matlamat berikut:

1. menigalkan eksport untuk memperoleh pertukaran asing.
2. mengjudkan peluang-peluang pekerjaan untuk tenaga buruh kita, dan
3. mempercepatkan pemindahan kemahiran tukaran tenaga pentadbir dan pakar-pakar teknologi dalam bidang ini.

Setelah lebih pada satu dasawarsa, strategi ini perlulah dikaji dengan teliti untuk memahami kesan-kesannya.

#### 1. Pertukaran Asing.

Pendapatan pertukaran asing yang boleh didapati dari KPB adalah seperti berikut:

1. gaji yang diterima oleh para pekerja;
  2. pembekalan bahan-bahan mentah dari dalam negeri;
  3. bataran untuk kemudahan-kemudahan awam dsb.
  4. sewa tanah dan bangunan.
- Badan-badan yang bertanggung-jawab untuk menarik pelaburan berlumba-lumba untuk menawarkan kos pengeluaran yang paling rendah termasuklah kadar gaji yang serendah mungkin, harga bahan-

bahan mentah yang rendah, bayaran untuk kemudahan yang murah dan sewa tanah dan bangunan yang rendah. Ini dengan sendirinya bertentangan dengan tujuan serta harapan negara-negara penjemput. Jika kadar gaji yang diterima oleh para pekerja diteliti ini tidak patut diharapkan sangat sebagai punca pendapatan pertukaran wang asing. Dalam satu iklan untuk tenaga pekerja yang diperlukan oleh sebuah kilang elektronik di Bayan Lepas baru-baru ini kadar gaji pekerja tidak mahir yang ditawarkan adalah lebih kurang M\$4.50 sehari. Tambahan pula, tidak terdapatnya undang-undang gaji minima di Malaysia dan bayaran bonus bukan wajib dan jumlah wang bonus yang diterima ini berbeza di kalangan para majikan.

Bila syarikat-syarikat multinasional menukuhan cawangan-cawangannya di KPB di seluruh dunia, mereka bergerak berdasarkan strategi menyeluruh. Firma-firma induk berupaya mengubahsuaikan strategi-strategi ini untuk mensuaikan diri dengan syarat-syarat dan undang-undang yang ditetapkan oleh negara-negara penerima demi menguat keuntungan yang maksima.

Apa yang disebut sebagai *harga pindahan* (transfer pricing) dapat diperolehi dengan memindahkan keuntungan dari satu cawangan negeri ke cawangan negeri lain. Seperti yang telah didedahkan oleh seorang pegawai syarikat Jepun, Toko Inc., dasar utama firma itu ialah untuk mentadbir usahasama seberang laut (di 4 buah negeri Asia) agar Toko Korea tidak mendapat sebarang keuntungan dan Toko Malaysia hanya mendapat sedikit keuntungan. Itulah sebabnya mengapa mengikut laporan akaunnya bahan-bahan yang dibekalkan oleh Jepun telah diberi harga yang tinggi. Sebaliknya, keuntungan yang didapati telah dikumpulkan di Hong Kong, yang merupakan pelabuhan bebas; dari situ, keuntungan

ini boleh dibawa ke syarikat induk dengan mudah.

Kita juga patut bertanya mengapa hutang asing Malaysia makin bertambah pada tahun tujuhpuluhan walaupun terdapat pendapatan minyak serta punca-punca pertukaran asing lain yang banyak termasuk KPB.

#### 2. Peluang-peluang pekerjaan

Memanglah dengan terbukanya KPB ini di banyak negeri-negeri Asia, maka banyaklah peluang-peluang pekerjaan yang telah disediakan. Namun begitu, kita tidak harus lupa akan kesan-kesan KPB ini ke atas sektor-sektor pekerjaan lain.

Akibat dari perindustrian ini, ramai pekerja pertanian dan anak-anak tani telah berhijrah ke bandar di mana terletaknya KPB ini untuk mencari pekerjaan dan mengelar impian. Ini telah membawa kepada kehilangan tenaga buruh di kawasan-kawasan luar bandar disebabkan oleh penghijrahan anak-anak muda ke bandar. Walau bagaimanapun, kesan baik sebaliknya yang tidak sengaja berlaku ialah kesedaran dan sikap baru yang timbul dari pengalaman baru ini.

Di KPB, secara tidak rasmi, para pekerja dihalang dari menyertai sebarang kesatuan sekira. Di negara-negara di mana terdapatnya, seperti Singapura, kesatuan-kesatuan sekerja merupakan alat penting bagi pihak berkuasa untuk mengawal tenaga buruh.

Kesihatan para pekerja KPB juga jarang diberi perhatian yang sewajarnya. Mereka sering terpaksa menjalankan kerja syif dan lebih masa di firma-firma KPB agar firma-firma berkenaan dapat menguat keuntungan maksima sebelum tempoh taraf perintis mereka habis dan keistimewaan-keistimewaan (seperti pengecualian dari cukai) dikurangkan.

Jaminan kerja langsung tidak ada di KPB. Para pekerja boleh diambil kerja serta diberhentikan pada bila-

## KPB DI PULAU PINANG

KPB telah dimajukan di Pulau Pinang (PP) dan Seberang Perai (SP) sebagai strategi pembangunan (1) untuk mencari jalan keluar dari pengangguran di negeri itu, dan sebagai lanjutan kepada program-program perindustrian yang sedia ada di negeri ini; (2) sebagai layanan kepada permintaan kuat dari industri-industri tempatan dan asing yang bertujuan eksport, bagi kawasan-kawasan di mana bahan-bahan mentah boleh dibawa masuk tanpa dikenakan cukai-cukai import; (3) untuk menyediakan pusat-pusat pelaburan baru bagi pelabur-pelabur asing yang mencari tapak dengan tenaga buruh yang murah dan kos kemudahan lain yang rendah.

KPB di PP & SP dirancang, dimajukan dan ditadbirkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Terdapat enam KPB di PP & SB, iaitu KPB Bayan Lepas Tahap 1, 2 dan 3. Berdekatan de-

ngan Lapanganterbang, dan di SP dan Dermaga Prai, dan Kawasan Perindustrian Prai dan Pulau Jerejak, iaitu sebuah pulau yang terletak di antara PP dan SP. Bayan Lepas Tahap 1 merupakan KPB yang pertama sekali dibuka dan ia naya telah ditubuhkan pada tahun 1972.

Semua KPB di Bayan Lepas mengandungi industri-industri ringan yang memerlukan banyak tenaga buruh, terutama sekali kilang-kilang elektronik. Ini adalah disebabkan oleh kedudukan Lapangan terbang yang berhampiran untuk mengeksport barang dan mengimport bahan melalui udara.

Kawasan-kawasan Perdagangan Bebas lain pula mengandungi industri-industri yang lebih berat seperti industri tekstil dan pembinaan kapal yang dieksport dan diimport melalui laut, jalan dan keretapi. Oleh itu, industri-industri ini menggunakan kemudahan-kemudahan

pelabuhan dengan sepenuhnya.

Lebih dari 70% dari pekerja KPB di PP & SP terdiri dari wanita. Ini adalah disebabkan oleh kilang-kilang elektronik yang banyak menggunakan pekerja-pekerja wanita.

Satu-satunya sumber hasil dari KPB untuk pihak PDC ialah melalui pengeluaran pas-pas KPB yang mendatangkan pendapatan yang amat terhad. Jadi pada keseluruhannya, pihak PDC telah mengalami kerugian bersih sebanyak \$2.7 juta pada tahun 1974. Perbelanjaan utama bagi pada tahun itu ialah untuk jalanraya (30%), parit (28%) dan penempatan semula setinggan (25%). Walau bagaimanapun, kemudian pengangkutan dan perumahan masih tidak mencukupi, terutama sekali bagi pekerja syif malam dan bagi mereka yang datang dari kawasan luarbandar.



bila masa sahaja. Ini bergantunglah kepada permintaan barang di pasar dunia. Contoh yang paling nyata ialah pembuangan pekerja elektronik secara ramai pada tahun 1974 berikutan dengan kemerosotan ekonomi dunia barat, terutama sekali perniagaan elektronik.

### 3. Pemindahan Teknologi

Bukanlah perkara yang luar biasa bagi firma-firma asing menghantar para juruteknik, pentadbiran dan profesional mereka sendiri ke cawangan-cawangan yang ditubuhkan di

KPB itu. Jadi di sini, hanya terdapat sedikit sahaja pemindahan kemahiran serta pengetahuan teknik yang tinggi. Jenis perkilangan di KPB lazimnya lebih mementingkan tenaga-tenaga buruh yang tak mahir sedangkan bahagian-bahagian pengeluaran yang menggunakan teknologi yang lebih tinggi dilakukan di kilang induk.

Dan pemindahan teknologi yang berlaku biasanya melibatkan teknologi yang tidak dapat digunakan oleh Malaysia secara berasingan demi memajukan perindustriannya

dari pembangunan yang berdikari. Terdapat juga teknik-teknik yang sering berubah yang dapat diperolehi, tetapi apa gunanya dalam jangka masa panjang?

Kebanyakan barang-barang eksport dari KPB ini, seperti alat-alat elektronik, hanya diperlukan di negeri-negeri perindustrian barat yang sudah mempunyai asas perindustrian yang cukup kukuh. Pemindahan teknologi hanya berfaedah jika teknologi berkenaan adalah sesuai dengan keadaan tempatan.



## BERBUAL DENGAN PEKERJA ELEKTRONIK

NI: *Bila agaknya saudari mula bekerja?*

P: Saya mula bekerja di kilang ini pada bulan November 1973, sebagai penyambung wayar dalam kerja semi-conductor. Saya telah bekerja di sini selama lebih kurang setahun sebelum kompeni ini ditutup dan mereka mula hentikan pekerja. Jika mereka hentikan saya, habislah kerana tak dak peluang lagi nak pi kilang lain. Tapi nasib baiklah saya ada rekod baik. (tak mempunyai banyak kesilapan). Selalunya, depa ni nanti pilih sapa-sapa yang cekap untuk dimasukkan ke kilang lain depa juga.

NI: *Selalunya, apakah jenis pekerjaan yang saudari lakukan di dalam kilang ini?*

P: Kerja-kerja saya bersangkutan dengan kerja-kerja pemasangan, tetapi saya diletakkan di bahagian terakhir di mana kami dikehendaki menuangkan bahan-bahan kimia yang busuk. Bahan ini akhirnya di ekspot ke Kanada.

NI: *Boleh tak saudari beritahu kami, berapakah gaji saudari dalam sebulan?*

P: Dulu saya dapat \$3.85 sehari. Tapi, gaji kami ni dipotong 70 sen untuk tambang bas.

NI: *Sekarang ini berapa yang saudari dapat sebulan?*

P: La ni saya dapat \$3.70 sehari

dan 85 sen untuk COLA. Kami dapat gaji dua kali sebulan. Mereka potong duit EPF kami sebanyak \$4. Tapi kami tak dibayar untuk lain-lain, seperti insurans. Dulu, depa potong duit insuran dari gaji kami, tapi la ni tak dah. Pekerja-pekerja yang menggunakan mikroskop, ada insuran sebab kerja-kerja macam ini akan memberi kesan buruk terhadap mata kita. Tapi sekarang depa dah tak bagi insurans sebab kata depa, kerja-kerja yang dilakukan sekarang ini sudah tak payah menggunakan mikroskop.

NI: *Berapa lamakah selalunya gaji dinaikkan?*

P: Tiap-tiap enam bulan, gaji kami naik 30 sen. Tapi kita mestilah kerja hingga melebihi *target* yang depa mau. Nanti depa bagilah lebih 30 sen atau 60 sen lebih.

NI: *Saudari sekarang bekerja dua syif, ya?*

P: Ya, begitulah. Kalau syif pagi, kami masuk pukul 7 pagi balik pukul 3 petang. Kalau syif petang pulak, kami masuk pukul 2 balik pukul 10 malam. Selalu kami kerja giliran syif. Dalam sebulan, kami kena kerja dua minggu syif pagi, dua minggu syif petang. Tetapi, lain-lain kilang di sini, seperti kilang Motorola dan Intel, depa terpaksa kerja tiga syif; syif petang dari pukul 2 sampai 10 malam, syif malam pukul 10 sampai pukul 6 pagi dan kalau



syif dari pukul 6 pagi sampai pukul 2 petang.

NI: *Adakah kebanyakab dari pekerja di sini terdiri dari wanita?*

P: Ya, dan kebanyakannya adalah muda-muda belaka. Had umur yang ditetapkan di sini ialah dari umur 16–24 tahun.

NI: *Bila gadis-gadis ini mencapai umur 24 tahun, adakah mereka ini dikehendaki supaya berhenti kerja?*

P: Tidaklah sampai begitu, tapi jika tersalah sedikit, tak berupaya bekerja, mereka akan mencari jalan membuang kami.

NI: *Banyakkah dari pekerjanya yang jatuh sakit?*

P: Ya, ramai yang tak tahan dengan bahan-bahan ini dan mereka dapat penyakit kulit dan ada setengah-setengahnya puja yang kena penyakit Bengkak mata.

NI: *Adakah saudari merasa sakit mata?*

P: Dia tak sakit, tapi kadang-kadang, kita tak boleh nampak dengan jelas. Pandangan jadi kabur-kabur sahaja. Kerja yang kami lakukan memerlukan kami memerhati mikroskop selama 7 jam lebih sehari dan wayar-wayar yang hendak disambung tu bukannya besar, hanya sebesar rambut kita ni saja.

NI: *Di kilang saudari bekerja ini,*

*adakah klinik disediakan?*

P: Tak, kami tak da klinik. Kalau kami sakit, kami pi jumpa pegawai pentadbir. Nanti dia akan bagi kami kertas nak pi jumpa doktor dan kami pi ke satu klinik. Kalau dia kata kami betul-betul sakit, dia bagi MC, dan kami tak payah pi kerja. Kalau dia kata kita tak sakit, dia kan suruh kita pi kerja esok tu. Ta-pi bayarannya kami tak bayar.

**NI:** *Bagaimana dengan keadaan para pekerja di sini?*

P: Tak memuaskan. Dega tak puas-hati sebab gaji tak cukup. Setengahnya tu tak dapat kenaikan gaji setiap enam bulan. Dan kerja-kerja yang dijalankan adalah amat teruk sekali. Kadang-kadang dega tunggu sampai sembilan bulan dan kadang-kadang ada yang sampai setahun. Kalau naik pun, sekali saja.

**NI:** *Jadi ramai pekerja yang berhen-ti, gadis-gadis lain pula minta kerja?*

P: Setengah ada yang tahan, tapi se-tengah yang tak tahan dengan gaji tu cabut maoam tu saja.

**NI:** *Pekerja tak ada kesatuan kan?*

P: Tak, kami takdak kesatuan, dan kami tak dibenarkan menjadi ahli sebarang kesatuan. Kalau depa tahu kami nak buat kesatuan, tentu kena buang kerja.

**NI:** *Pada pendapat saudari, adakah kesatuan itu perlu?*

P: Ya, dah tentu. Ia boleh memperjuangkan hak kami. Kami perlukah kesatuan pekerja.

**NI:** *Pernahkah pekerja di kilang saudari mempunyai perselisihan dengan majikan syarikat?*

P: Dulu depa ada buat satu tunjuk perasaan, tapi hanya sekali saja. Depa tak bagi COLA 85 sen/- jadi kami mogoklah. Lepas tu barulah pihak syarikat setuju membayar-nya.

**NI:** *Adakah saudari selalu bercakap-cakap dengan pekerja lain?*

P: Jarang, kerana masa kerja kami tak dibenarkan bercakap.

**NI:** *Ditempat kerja, adakah semua kaum bercampur?*

P: Ya, semua kaum — Melayu, Chi-na dan India bercampur. **NI**



## MTUC — EMPTY YOU SEE

### Ulasan Perhimpunan Dwi-Tahun

S.L. Chu

Sebaliknya, persidangan itu me-nitikberatkan perlantikan pegawai-pegawai kesatuan itu. Perjumpaan itu gagal untuk menganalisa prestasi badan itu dalam dua tahun yang la-lu, dan tidak ada diperkatakan mengenai apakah arah yang akan diambil oleh MTUC pada dua tahun akan datang.

Agenda utama dalam perjumpaan itu ialah penerimaan laporan dwi-tahun yang diselanggarakan oleh Majlis Umum, badan pembuat polisi bagi pertubuhan itu, akaun yang diodit, pindaan perlombagaan, usul-usul dan perlantikan pegawai.

### Omong-Omong Kosong: Empty You See

Laporan dwi-tahun itu diserahkan oleh Setiausaha Agung MTUC V. David. Dalam laporan itu, David menyalahkan "oportunis, petualang dan unsur-unsur musuh yang mengakibatkan suasana kucar-kacir" ketika merujuk kepada pertikaian MAS — AEU (Kesatuan Pekerja Pe-nerangan) pada tahun 1979.

Beliau juga berkata MTUC dan badan-badan gabungannya akan te-rus hidup walaupun menghadapi se-gala rintangan dan tekanan dari pembuat-pembuat undang-undang yang dibantu oleh kuncu-kuncu mereka. David juga menegaskan ba-hawa MTUC mempunyai "berjum-pa dengan takdir" dan pengalaman dua tahun yang lepas menunjukkan bahawa pertubuhan itu mampu menghadapi segala rintangan. "Kita perlu membaharu teknad kita untuk

bekerja ke arah yang benar," kata beliau lagi.

Tapi nampaknya kata-kata semangat seperti itu masih gagal untuk menaikkan semangat kalangan perwakilan sidang itu. "Kami dah biasa mendengar kata-kata seperti itu," kata seorang wakil. Laporan itu diterima tanpa banyak perbincangan atau penelitian.

#### Kewangan Tidak Diteliti

Tetapi kisahnya mulai berubah apabila sampai hal akaun. Sebaik sajalah Pemangku Setiausaha Kewangan, Mohamed Haji Yusoff, yang kemudian dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kewangan, menerangkan kenapa akaun-akaun tidak dapat diserahkan bagi penelitian para hadirin, perjumpaan itu menjadi riuh rendah.

Rupa-rupanya bekas Setiausaha Kewangan MTUC, V. Ramiah, Pengurusi Jawatankuasa, T. Narendran, yang juga ketua CUEPACS dan bekas Timbalan Presiden MTUC, dan lima ahli jawatankuasa lain telah meletakkan jawatan, berikutan percanggahan, terang Mohamed.

Mohamed berkata, sukar baginya untuk menyediakan laporan kewangan kerana bekas Setiausaha Kewangan telah tidak membuat laporan-laporan dan dipercayai telah menyorokkan buku-buku akaun itu. "Apa yang boleh kami buat apabila orangnya telah menghilangkan diri?" P.P. Narayanan berkata, seolah-olah menganggap hal itu perkara kecil.

Kenyataan itu menyimpulkan sikap dalam perjumpaan itu. Ketara sungguh bahawa segala pemikiran ketika itu bertumpu bukan kepada masalah dalam MTUC, tetapi hal perlantikan pegawai.

Perwakilan akhirnya memilih jalan yang senang dan selamat — mereka menerima usul untuk membubuh satu jawatankuasa khas untuk mengkaji kebuntuan tersebut dan menyediakan akaun-akaun yang

diodit pada persidangan perwakilan khas yang akan diadakan sebelum 31hb. Mac, 1981.

#### Pindaan Tanpa Perbahasan

Sumber-sumber berkata Jawatankuasa Hal Ehwal Am telah mengesyorkan kepada Majlis Umum bahawa segala pindaan perlembagaan harus diperdebatkan dan bukan hanya dirujukkan kepada persidangan perwakilan khas. Tetapi debat mengenai pindaan yang disyorkan dianggap tidak sesuai ketika itu dan telah dibatalkan oleh Majlis Am.

David telah berkata dalam laporan dwi-tahun itu bahawa perlembagaan itu didapati tidak boleh diamalkan kerana "ia adalah terlalu kompleks dan rumit". Perjumpaan yang lalu telah mengarahkan Majlis Umum membuat pindaan sesuai untuk membuat perlembagaan itu lebih mudah dan senang diamalkan.

"Tetapi Majlis Am itu tidak membuat apa-apa syor dalam perjumpaan itu," kata sumber itu lagi. Dan apabila tiba masa untuk mendebat usul-usul perwakilan merasa

keciwa. "Masa tidak mencukupi untuk kami memikirkan usul itu. Apa yang kami buat ialah menerima usul kerana kami mahu maluluskan usul", kata seorang wakil.

#### Pengundian

Berikut dengan ini ialah perlantikan pegawai-pegawai yang ramai telah menanti.

Akhirnya P.P. Narayanan menjadi Presiden MTUC dan Zainal Rampak, Timbalan Ketua Setiausaha Kesatuan Pekerja-Pekerja Pengangkutan (TWU), dilantik sebagai Timbalan Presiden. V. David pula telah berjaya mengalahkan bekas timbalannya, A.V. Kathiah untuk menjadi Setiausaha Agung.

Pemilihan pegawai-pegawai lain-terutama sekali untuk jawatan-jawatan naib-presiden — tidak menarik minat para hadirin dan sidang itu telah pun tamat sehari sebelum dijadualkan. Suasana dan peristiwa di Majlis itu telah dihuraikan oleh seorang pemerhati sebagai "*a conference of labour dealers, not labour leaders.*



Kathiah mengucapkan tahniah kepada V. David

(Sumber: Star)

# Omong-omong Kosong?

## KERJASAMA EKONOMI ASEAN GAGAL

Aminah Junid

Salah satu matlamat penubuhan ASEAN yang sering ditegaskan ialah untuk menggalakkan kerjasama ekonomi antara negara-negara anggota. Tetapi, menurut beberapa kajian, kejayaan yang tercapai dalam usaha ini adalah jauh dari memuaskan.

Sebenarnya, penubuhan ASEAN melalui Pengistiharan Bangkok pada tahun 1967, nampaknya lebih berdasarkan kepentingan politik bersama. Pada masa itu, Amerika Syarikat (AS) telahpun terlibat secara langsung dalam perang di Vietnam. Memandangkan yang penubuhan seperti ASEAN boleh memainkan peranan dalam usaha perangnya di Vietnam, maka AS telah merestui dan menyokong pertubuhannya.

### Kerjasama Ekonomi

Walaupun demikian, persoalan kerjasama ekonomi dikalangan negara-negara anggota ASEAN semakin menjadi issu yang dilaung-lauangkan dari semasa ke semasa. Sertakat ini, negara anggota ASEAN telah cuba mewujudkan kerjasama di antara mereka dalam dua bidang utama, iaitu perdagangan dan perindustrian. Dalam persidangan ketua-ketua negara ASEAN di Bali pada tahun 1976, kelima-lima negara anggota ASEAN telahpun bersetuju secara resmi dengan rancangan untuk memberi layanan istimewa dalam perdagangan di antara negara anggota. Dalam persidangan ketua-ketua negara ASEAN yang berikutnya, tumpuan mereka ialah terhadap kerjasama dalam bidang perindustrian di mana mereka bersetuju untuk menjalankan projek perindustrian yang saling melengkapi. Teras kepada kerjasama perindus-

trial ialah projek perindustrian: iaitu, projek baja urea di Indonesia dan Malaysia, projek "superphosphate" untuk Filipina, projek engin diesel di Singapura dan projek garam Kalsium (soda ash) di Negeri Thai.

### Perdagangan Antara ASEAN Merosot

Sehingga tahun 1979, kemajuan yang telah dicapai oleh ASEAN dalam usaha kerjasama serantau mereka adalah kurang memuaskan. Dalam bidang perdagangan, walaupun jumlah kedua-dua eksport dan import di antara negara-negara ASEAN telah bertambah sejak tahun 1967, tetapi peratusannya daripada jumlah eksport dan import negara-negara ASEAN telah berkurangan. Ini bermakna bahawa kepentingan hubungan perdagangan di antara negara-negara ASEAN dengan negara-negara di luar ASEAN telah bertambah (lihat jadual 1). Seterusnya jika kita lihat akan hubungan perdagangan antara negara-negara ASEAN dengan negara-negara perindustrian, kita dapat bahawa peratusannya dari jumlah perdagangan negara ASEAN juga turut meningkat. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi apabila kita melihat peratusan dari jumlah barang yang dieksport oleh negara-negara ASEAN ke negara-negara perindustrian.

Dalam tahun 1965, negara-negara ASEAN mengeksport kira-kira 51.2% dari barangnya ke negeri Jepun, AS dan negeri-negeri dalam EEC. Tetapi pada tahun 1979, ianya telah meningkat kepada 56.6%. Dari sini, dapatlah disimpulkan bahawa perhubungan perda-

gan negara-negara ASEAN masih lagi terikat kuat dengan negara-negara perindustrian. Oleh kerana itu, ekonomi mereka akan terus terancam oleh keadaan ketidakstabilan dalam ekonomi antara bangsa.

Kenapakah perkara ini boleh berlaku sedangkan negara-negara ASEAN telahpun berusaha untuk meningkatkan kerjasama ekonomi di antara mereka? Jawapan kepada soalan ini boleh didapati apabila kita mengkaji corak pengeluaran dalam ekonomi negara-negara ASEAN yang merupakan warisan dari zaman perjajahan. Dari jadual 2, kita dapat bahawa ASEAN masih lagi merupakan pembekal bahan-bahan mentah untuk pasaran dunia. Oleh yang demikian, negara-negara perindustrian akan terus kekal menjadi "trading partner" yang utama bagi ASEAN. Malahan, dalam tahun 70'an, Jepun perhubungan perdagangan dengan ASEAN'

### Peranan Singapura

Dalam mengkaji hubungan perdagangan antara ASEAN dan negara-negara perindustrian, dua pengkaji dari Universiti Harval di Quebec, R.D. Konick dan C. Comtaiz mendapati bahawa Singapura telah memainkan peranan penting dalam menggalakkan perlanjutan hubungan erat di antara ASEAN dengan negara-negara perindustrian. Menurut mereka, di samping meneruskan peranan lamanya iaitu mengimport dan mengeksport semula barang-barang mentah — di rantau ini, Singapura juga telah berjaya memainkan peranan sebagai pusat perkilangan dan kewangan. Kesemua ini telah menj-

**Jadual 1: Perdagangan Barang Negara-Negara ASEAN Mengikut Haluan, 1965, 1970, 1975, 1979.**

	%pembahagian			
	1965	1970	1975	1979
<b>Import Negara-Negara ASEAN dari:</b>				
a. Negara-Negara ASEAN (Dari S'pura saja)	16.5 (8.9)	14.6 (9.3)	12.8 (7.6)	13.6 (3.6)
b. Jepun	19.0	25.4	24.0	22.1
c. Amerika Syarikat	13.5	15.0	15.4	16.2
d. Kes. Ekon. Eropah (E.E.C.)	22.0	19.2	15.8	13.6
e. Negara-Negara Lain	29.0	25.8	32.0	34.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0
<b>Eksport Negara-Negara ASEAN kepada:</b>				
a. Negara-Negara ASEAN (Kepada S'pura saja)	21.8 (9.8)	20.3 (7.2)	17.3 (7.2)	16.2 (8.6)
b. Jepun	15.3	23.0	27.0	26.6
c. Amerika Syarikat	18.0	17.8	19.8	17.0
d. EEC	17.9	15.0	13.2	13.0
e. Negara-Negara Lain	27.0	23.3	22.7	27.2
Jumlah	100	100	100	100

Sumber: Yearbooks of International Trade, Statistics & Laporan Ekonomi, 1980-81.

dikan Singapura sebagai pusat perniagaan dan perdagangan di dunia, terutama di rantau ini dan menghubunginya dengan lain-lain negara di dunia, terutama negara-negara perindustrian. Walaupun perlanjutan penyatuan ASEAN ke dalam pasar dunia akan menghalang perkembangan perdagangan antara negara anggotanya, namun Singapura tetap terus memainkan peranannya itu sehingga ke hari ini.

#### Projek Perindustrian

Dari segi projek perindustrian pula, walaupun empat tahun telah berlalu sejak negara-negara anggota ASEAN bersetuju dengan rancangan tersebut, tetapi keseluruhan rancangan itu masih belum dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Pada masa ini, hanya projek di Indonesia dan Malaysia saja yang berjalan. Projek-projek untuk negeri Thai dan Filipina masih lagi terbengkalai, manakala projek engin diesel di Singapura terpaksa dibatalkan sebagai projek ASEAN oleh kerana bantahan dari Indonesia.

Di samping masalah min, untuk menjayakan projek-projek itu, negara-negara ASEAN akan memerlukan pula bantuan kewangan yang besar dari luar negeri, terutama dari Jepun dan AS. Ini bermakna bahawa negara-negara ASEAN akan menambahkan lagi pergantungannya ke atas negara-negara perindustrian. Dalam keadaan sekarang, pergantungan ini (iaitu dalam bidang kewangan) hanya akan memperku-

kuhkan lagi perhubungan yang tidak adil antara ASEAN dan negara-negara perindustrian, di samping melanjutkan pula pergantungannya dalam bidang teknologi.

Dari perbincangan di atas, adalah jelas bahawa usaha ASEAN untuk mengurangkan pergantungannya ke atas negara-negara perindustrian melalui kerjasama ekonomi masih jauh dari matlamatnya. Malahan dengan menjelaskan strategi-strategi pembangunan mereka sekarang ini, negara-negara anggota ASEAN telah menjadi semakin terikat dengan ekonomi negara-negara perindustrian, terutama sekali Jepun dan AS dan juga telah membantu pertumbuhan Singapura sebagai pusat ekonomi rantau ini.

**Jadual 2: Eksport Barang Utama dari Negara-Negara ASEAN, 1975**

Barangan	% dari jumlah eksport negara					% dari eksport dunia
	Thailand	Malaysia	S'pura	Indonesia	Filipina	
1. Getah Asli	7.4%	21.6%	—	5.1%	—	82.9%
2. Minyak Sawit	—	14.3%	1.4%	2.1%	—	83.62%
3. Hasil kelapa	—	2%	.3%	—	20.3%	63.6%
4. Gula	11.8%	—	—	—	25.6%	7.3%
5. Beras	12.3%	—	—	—	—	9.2%
6. Hasil kayu	1.5%	12.0%	1.2%	7.1%	9.1%	16.4%
7. Bijih Timah	6.0%	13.1%	—	1.9%	—	71.8%
8. Petroleum	—	8.3%	—	69.6%	—	4.0%

## **ASEAN - Metos dan Kebenaran**

Eddy Lee

Konsep ASEAN kerap timbul dalam dasar luar negeri Malaysia sejak zaman Allahyarham Tun Abdul Razak. Seperti juga kebanyakan isu-isu yang penting kepada rakyat Malaysia, hakikat ASEAN sebenarnya tidak banyak dibincangkan dan dinanialisakan dalam pengumuman kerajaan atau melalui alat-alat media di negeri ini.

Banyak omong-omong kosong telah dilaungkan, umpamanya konsep SERANTAU, KERJASAMA EKONOMI dan KAWASAN AMAN BEBAS DAN BERKECUALI (ZOPFAN). Akan tetapi, persoalan-persoalan yang penting seperti bagaimana rakyat Malaysia boleh

mendapat faedah dari ASEAN atau siapakah yang akan beruntung dari kerjasama ekonomi jarang dikemukakan, apa lagi dibincangkan.

### ZOPFAN

Di akhir-akhir ini istilah ZOPFAN sudah jarang kedengaran kerana digantikan dengan Integrasi Ekonomi dan lain-lain; akan tetapi, konsep ini masih berguna dalam keadaan-keadaan tertentu.

Idea sebuah kesatuan negeri-negeri yang memperjuangkan "keamanan, kebebasan dan berkecualian" memanglah satu konsep yang harus disanjung dan tidak boleh diperti-

kaikan.

Ianya tentu sekali merupakan impian rakyat di Asia Tenggara untuk membangunkan masyarakat yang merdeka dan bebas dari campur tangan kepentingan-kepentingan luar, sama ada dari segi ekonomi maupun politik.

Aspirasi-aspirasi ini lebih-lebih lagi dirasakan oleh rakyat di rantau ini yang pernah mengalami penjajahan Belanda, Perancis, British dan Amerika, faham ketenteraan fasis Jepun, campurtangan Amerika di Vietnam, penaklukan Timor oleh Indonesia dan pencerobohan-pencerobohan Vietnam terhadap Kampuchea dan China terhadap Vietnam.

Dakwaan kerajaan ASEAN haruslah dibezakan dengan cita-cita sebenar rakyat negeri-negeri ASEAN. Seperti yang dapat dilihat dari tindakan-tindakan kerajaan-kerajaan ASEAN di masa dulu dan juga sekarang, dakwaan-dakwaan mereka mengenai "kedamaian, kebebasan dan kebercualian" ini sentiasa saja bercanggah dengan pendirian-pendirian sebenarnya.

# Amerika Syarikat: Penaung ASEAN?

Usaha-usaha pemimpin ASEAN sebenarnya telah melibatkan kerjasama rapat dengan kepentingan-kepentingan tentera dan politik Amerika Syarikat dan ada kalanya persetujuan secara terbuka terhadap matlamat-matlamat AS di rantau ini.

Bekas tanah jajahan A.S, iaitu Filipina pernah menjadi tempat persidangan pertama bagi penubuhan SEATO dalam tahun 1954. SEATO adalah perjanjian ketenteraan di bawah naungan A.S; Negeri Thai adalah merupakan salah satu dari anggotanya. Askar-askar Filipina adalah di antara askar-askar upahan yang berjuang bersama-sama dengan askar-askar A.S dalam perang Indochina.

Di samping SEATO, negeri Thai juga mempunyai hubungan tentera dua hala dengan A.S sejak tahun 1962. Dalam Perang Indochina, Jeneral-jeneral Tentera Thai telah membenarkan lapangan terbang di Negeri Thai digunakan sebagai pengkalan-pengkalan tentera A.S bagi melancarkan gerakan-gerakan sulit Presiden Nixon bagi pengebom Kampuchea.

Persetujuan pemimpin-pemimpin ASEAN yang lain terhadap pencecrobohan A.S di Vietnam sudah pun diketahui umum. Dalam satu utusan kepada Presiden Johnson dalam tahun 1964, Tunku Abdul Rahman telah mengisyiharkan bahawa Kerajaan Malaysia "dengan sepenuh hatinya mengalu-alukan tindakan kerajaan tuan dalam usaha-usaha yang sesuai terhadap Vietnam Utara."

Tun Razak pula, yang kemudiannya telah memperjuangkan konsep Asia Tenggara yang berkecuali pernah mengisyiharkan bahawa kerajaan Malaysia sanggup menghantar askar-askarnya ke Vietnam Selatan "sekiranya diminta".

Walaupun Kerajaan Malaysia tidak pernah menghantar askar-as-



karnya ke Vietnam, tetapi ia pernah membenarkan lebih dari 3 ribu pegawai tentera Vietnam Selatan dilatih dalam gerakan-gerakan anti-gerila di Malaysia di antara tahun 1961 dan 1966. Indonesia juga pernah melatih askar-askar Lon No.I

Tidak perlu ditekankan di sini bahawa Lee Kuan Yew dari Singapura sentiasa menyeru supaya dikelaskan terus tentera A.S semasa dan selepas perang Vietnam.

Perkembangan baru-baru ini menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin ASEAN masih belum bebas dari tradisi lampau. Harus dinyatakan di sini bahawa pemimpin-pemimpin ASEAN hari ini masih belum mengakui atau mengutuk pendirian tidak berkecuali dan tidak aman mereka pada masa dulu, pada masa mereka mengisyiharkan komitmen mereka terhadap Asia Tenggara yang berkecuali. Pada masa sekarang, seperti juga pada masa-masa yang lampau, A.S merupakan kuasa utama yang mempunyai kaitan rapat dengan kerajaan-kerajaan ASEAN dari segi politik dan ketenteraan.

## Peranan Ketenteraan

Filipina mempunyai 20 pengkalan-pengkalan tentera dan laut A.S dan republik itu ada hubungan yang penting dalam sistem ketenteraan A.S bagi pertahanan rantau ASIA/Pasifik. Hampir 18 ribu anggota tentera A.S dan sekumpulan

besar penasihat tentera berada di republik itu untuk menyumbangkan tenaga mereka kepada pemerintahan tentera Marcos terhadap ancaman dari Tentera Bangsa Moro dan Tentera Rakyat Baru.

Selepas penutupan pengkalan-pengkalan udara A.S di Negeri Thai, Kerajaan Singapura telah bersetuju membenarkan pulau itu digunakan sebagai pengkalan untuk penerbangan-penerbangan pengawasan oleh pihak A.S di Lautan India.

Rancangan-rancangan kredit dan bantuan-bantuan ketenteraan juga menyatupadukan negara-negara ASEAN dengan A.S yang mengambil peranan penaung. Pada masa yang sama, kesemua negara ASEAN mempunyai pegawai-pegawai tentera dan polis yang dilatih di A.S.

Penyertaan tiga regim tentera dalam pakatan 5 negara itu yang kesemuanya mempunyai sekatan-sekatan tertentu terhadap kebebasan politik menimbulkan tafsiran yang baru pada perkataan kebebasan yang digunakan oleh ASEAN.

Malah, terdapat kaitan di antara kemerosotan kebebasan asas dengan pertambahan ikatan ketenteraan dan politik dengan A.S. Di Filipina, pengistiharan undang-undang Tentara dalam tahun 1972 telah membawa tambahan bantuan ketenteraan A.S sebanyak 200%, iaitu purata AS\$45 juta setahun berbanding dengan AS\$15 juta setahun sebelum pemerintahan tentera diisyiharkan.

Pada tahun 1976, sebelum rampasan kuasa tentera, Negeri Thai telah diberi kredit membeli senjata oleh AS sebanyak AS\$98.4 juta bagi tahun 1977, Selepas rampasan kuasa itu 10 ribu tan peluru telah dijual kepada Jeneral-jeneral Thai dengan syarat-syarat yang menarik.

Bagitu juga di Malaysia dan Singapura, penggubalan undang-undang keselamatan yang lebih ketat telah diikuti dengan tambahan kredit penjualan senjata oleh AS dan juga pembelian secara tunai oleh kedua-dua buah negeri itu. Kredit jualan yang diterima oleh Malaysia sebanyak AS\$51 juta dalam tahun 1977 merupakan tambahan 10 kali ganda dari tahun-tahun sebelumnya. Pembelian secara tunai oleh Singapura sebanyak AS\$22.6 juta adalah 9 kali ganda jumlah tahun sebelumnya.


Indonesia, negeri terbesar dengan penduduk yang paling ramai dalam ASEAN, telah menerima bantuan-bantuan ketenteraan yang kian bertambah sejak 1966. Jeneral-jeneral Indonesia yang pernah menahan lebih dari 100 ribu tapis sejak rampasan kuasa 1965, menerima bantuan ketenteraan sebanyak purata AS\$25 juta setahun. Dalam tahun 1977, bantuan ketenteraan bernilai AS\$39 juta telah diperuntukkan sementara kredit ketenteraan bernilai sebanyak AS\$46.2 juta telah ditambah.

Jumlah pegawai-pegawai tentera Indon yang telah diberi latihannya di AS yang dibiayai oleh kerajaan AS pada tahun 1977 berjumlah sebanyak 522 orang walaupun ini merupakan separuh dari bilangan di tahun sebelumnya.

Malah mengikut setengah pe-

merhati, Indonesia nampaknya memainkan peranan sebagai polis bagi pihak AS di rantau ini.

Apabila timbulnya sebuah kerajaan yang bebas dan berkecuali di Asia Tenggara, iaitu pergerakan Fretelin yang telah menamatkan penjajahan Portugis di Timor Timur, ini telah ditentang dengan serangan tentera oleh Indonesia dengan senjata-senjata yang dibekalkan oleh AS. Kerajaan-kerajaan ASEAN yang lain masih tidak mengutuk serangan dari Indonesia itu, malah menyokongnya walau pun pencerobohan ini terus dikutuk di Bangsa-Bangsa Bersatu. Prinsip ZOPFAN yang mulia itu tidak akan dihormati selama pendirian ASEAN seperti bermula dua terhadap Kampuchea kalau dibandingkan dengan Timor Timur.



## PEMERINTAH CHINA DAN ASIA TENGGARA

Sebagai penghargaannya untuk bantahan pemerintah-pemerintah ASEAN terhadap rejim Heng Samrin yang disokong Vietnam, pemerintah China terpaksa membuktikan niat baiknya. Dari kacamata pemerintah-pemerintah di rantau ini, cara paling praktikal membuat demikian adalah dengan mengurangkan sokongannya kepada pemberontakan bersenjata. Pada tahun 1979, radio Suara Takyat Thai, yang menyokong Parti Komunis Thai, tidak menyiarkan lagi dari China.

Penyiaran utusan-utusan tahniah bagi pihak parti-parti komunis Burma dan Malaysia yang biasa disiarkan dahulu tidak lagi diterbitkan oleh agensi berita Xinhua. Walaupun bagaimanapun, siaran dalam Bahasa Melayu, China, Tamil, Burma dan Inggeris masih berterusan.

Dahulu, pemimpin-pemimpin yang berpengaruh dari gerakan-gerakan komunis di Asia Tenggara yang pernah tinggal selama sepuluh tahun atau lebih di China atas pembiayaan pemerintah, sedang digalakkan kembali ke tanahair masing-masing jika lau mereka tidak menghadapi peranganayaan yang dahsyat. Dilaporkan bahawa kerajaan Thai sanggup menerima orang-orang demikian jika lau mereka setuju tidak akan cuba mengguling pemerintah.

Pemerintah China tidak berapa puashati dengan perperangan gerila berlanjutan yang diusahakan oleh kuasa-kuasa pro-komunis di Burma, Negeri Thai dan Malaysia. Terutama sekali di negeri Thai, kedua-dua China pasti menyedari faktor-faktor yang telah menggalakkan ramai bekas komunis meninggalkan hutan. Mengikut satu sumber di Peking, salah satu sebab ialah kesusaahan yang dihadapi oleh gerila, se-

satu yang tidak biasa dialami oleh anak-anak keluarga serang.

Salah satu sebab lain adalah kekeciaan mereka terhadap dogmatisme dan ketiaadaan demokrasi di khemah-khemah di hutan. Satu sebab lain ialah hakikat bahawa pemimpin-pemimpin gerila lama yang tua tidak begitu mengikuti perkembangan sosio-ekonomi di kawasan-kawasan bandar yang sukar mereka kunjungi selama beberapa tahun. Selain dari itu, terdapat juga pengaruh China terhadap gerakan ini, yang nampaknya melemahkan imejnya sebagai pembela kemerdekaan kebangsaan. Dan ada juga pemuda-pemuda Thai yang merindukan keluarga.

Berasaskan pengalaman revolucioner mereka sendiri, pemerintah China memahami segala faktor-faktor ini dan jika lau komunis Thai tidak dapat menambahkan bilangan mereka dengan rekrut-rekrut dari golongan bawahan yang lebih bertahan lasak, pihak China tidak akan mengharapkan pergerakan itu boleh berjaya.

(David Bonavia, *FEER*, 28.11.80)

## DASAR PEMERINTAH CHINA

Kepulangan Musa Ahmed ke Malaysia setelah 25 tahun di China tidak bertentangan dengan dasar Peking sekarang untuk menggalakkan orang-orang buangan kembali ke tanahair. Bilangan orang dalam keadaan ini di China seperti Djawoto, yang telah minta perlindungan selepas percubaan rampasan kuasa 1965 semasa ia menjadi Duta Indonesia ke negeri China pada ketika itu tidak pasti.

Kerajaan China sanggup membayar tambang balik untuk revolucioner veteran yang ingin kembali, tetapi tiada tekanan bagi mereka kembali, terutama sekali jika

mereka akan dianiyai atau ditahan. Kemungkinan wujudnya hubungan di antara kerajaan melalui saluran diplomatik mengenai perkara ini tidak boleh ditolak, tetapi setakat ini, tiada bukti mengenai hal ini.

Pemimpin-pemimpin China menganggap sikap Malaysia terhadap sokongan material dan moral Peking untuk gerila Malaysia tidak masabah. Mereka berpendapat bahawa adalah lebih penting bagi Malaysia menyelesaikan masalah perkauman dengan menggalakkan hubungan yang lebih baik antara Mahua (orang Malaysia keturunan China) dan bumiputra.

Pemerintah China juga tidak senang dengan bantahan kerajaan Malaysia terhadap keistimewaan negara China bagi warganegara Malaysia keturunan China yang melawat negeri China, sambil mereka terus menasihatkan orang-orang ini supaya mengintegrasikan diri mereka dalam tanahair baru mereka.

(David Bonavia, *FEER*, 9.1.81)

## MASA DEPAN SUARA REVOLUSI MALAYA?

Lee telah menegaskan bahawa sokongan pemerintah China yang berterusan bagi Parti Komunis

Indonesia (PKI) dan Parti Komunis Maleya adalah salah satu sebab sebalik ketidakpercayaan (ASEAN) terhadap tujuan-tujuan China. Dilaporkan bahawa Deng telah memberitahunya sokongan China kepada parti-parti di rantau ini adalah warisan sejarah dan sokongan ini sedang ditarik belik secara perlahan. Sebenarnya, Deng telah berjanji bahawa penyiaran Suara Revolusi Maleya (SRM) dari China akan diatempatkan pada masa akan datang. Kadangkala stesyen radio itu menyiaran ulasan serta dokumen PKI.

Yang anihnya, janji China untuk menutupkan stesyen SRM berlaku tidak lama setelah usaha Vietnam kepada Malaysia. *FEER* diberitahu oleh sumber-sumber diplomatik di Kuala Lumpur bahawa baru-baru ini, Hanoi telah memberi pegawai-pejawai Malaysia peta terperinci mengenai provinsi Yunnan di China yang menunjukkan kedudukan tepat alat-alat penyiaran SRM. Tindakan luarbiasa ini adalah untuk menyakinkannya bahawa Malaysia, seperti Vietnam, juga merupakan sasaran usaha-usaha pengembangan China yang subversif.

Bila China akan menuaikan janjinya mengenai stesyen radio dan bagaimana tindakan itu akan diperhatikan di Kuala Lumpur dan Jakarta masih belum diketahui. Tetapi masih terdapat keraguan dalam pernikiran pembikin-pembikin dasar di negara-negara ini. Mengikut satu sumber Malaysia, "Pemerintah China sedang memujuk ASEAN kerana sesuai dengan kepentingannya kini. Tetapi apabila Vietnam sanggup menurut, kami tidak boleh mengharapkan mereka akan terus melayan kami."

(Nayan Chanda, *FEER*, 5.12.80)

## PANDANGAN LEE KUAN YEW

(Lee Kuan Yew) mengatakan bahawa perbincangannya dengan Pengerusi Huo Guofeng, Naib

Pengerusi Deng Xiaoping dan Perdana Menteri Zhao Ziyang telah menyakinkannya bahawa pemerintah China ingin menarik diri dari penglibatan dalam pemberontakan-pemberontakan komunis di negeri ASEAN.

"Tetapi mereka ingin melakukan kannya dengan caranya sendiri," beliau menegaskan. "Mereka akan mengelakkkan tuduhan mengkhianiati prinsip-prinsip internasionalisme. Marx yang telah menyebabkan sokongan mereka kepada parti-parti komunis pada zaman yang jauh berlainan di mana terdapatnya persaudaraan komunis yang erat dengan Uni Soviet terhadap penjajahan dan imperialism Amerika dan Eropah. Mereka tahu bahawa selama mereka membantu pemberontakan-pemberontakan komunis dengan propaganda serta sokongan material, menyediakan kemudahan-kemudahan stesyen radio haram, memberi senjata serta bahan-bahan keperluan, hubungan negara China dengan ASEAN akan sentiasa menghadapi keimbangan serta ketidakayakinan."

"Naib Pengerusi Deng telah menyakinkan saya bahawa China tidak mewajibkan pemulihan pemerintah Khmer Rouge di Kampuchea. Malangnya, China dianggap sebagai ancaman dalam jangka panjang, terutama sekali oleh Malaysia dan Indonesia, dua pihak yang telah mengalami pengalaman-pengalaman yang teruk dengan parti-parti komunis mereka sendiri."

Lee menyatakan bahawa terdapat dua jenis pemimpin komunis China sejak 1949: "Marxis yang mengutamakan fahaman dan pihak pragmatis yang inginkan modenisasii". Beliau bertambah: "Saya percaya bahawa selama pemimpin-pemimpin China mengutamakan modenisasii yang bertujuan mengatasi masalah ekonomi dan sosial China yang besar, negara China tidak merupakan ancaman kepada ASEAN yang anti-komunis."

(Richard Hughes, *FEER*, 12.12.80)



# Pengkalan Kota - A Comment

Dr. Tan Chee Khoon

On the night of 15th Nov, 1980 when votes of the by-election of Pengkalan Kota were counted LIM KEAN SIEW turned out to be the winner. Lim Kean Siew himself has described Pengkalan Kota as the watershed in the electoral fortune of the MCA.

Many BN leaders have hailed it as a great victory. But what are the facts?

Sure the BN won by 554 votes. But a majority of 554 out of 15,000 votes cast is a narrow victory and nothing to crow about. And when you add up the opposition votes they still outnumber the BN votes.

Mr. Lim Kean Siew, I hope, has not forgotten the 1964 general election when he and I were the only two socialist Front (SF) survivors out of the 64 SF candidates. These candidates got about one third of the votes cast but won only two seats i.e. Dato Kramat by Lim Kean Siew and Batu by me!

In fact, if my memory does not fail me, the Alliance then got only a little more than 50% of the votes cast but got 89 seats out of the 104 seats up for contest. So in terms of seats the Alliance won a landslide victory, but in terms of popular support they just pipped the opposition.

## BN TRUMPCARDS

The BN had two trump cards. One was Tengku Razaleigh who distributed \$600,000/- to three Chinese primary schools. The sight of a senior UMNO minister distributing largesse to the Chinese schools must have caused quite a stir amongst the predominantly Chinese electorate.

The other trump card was the Minister of Housing and New Villages, Datuk Dr. Neo Yee Pan. He is not the flamboyant type, but his work, to my mind, in distributing funds for the repair of drains, potholes in roads, sidewalks, etc. was equally effective. These instant repairs were there for all to see and the voters must have been impressed.

Between them, these two ministers brought instant development to back up the claim by the MCA that only the BN can bring development to Pengkalan Kota.

In a sense, Mr. Lim Kean Siew is on trial. He has to keep up the pace of development in Pengkalan Kota and also implement the promises he has made to the voters there.

Mr. Lim is not a green horn in the Penang Assembly. In 1965, he won a three-cornered by-election in Ayer Itam. He was then of course standing as a candidate of the SF. We fought against the UDP, (headed by Dr. Lim Chong Eu) and the Alliance Party. And the SF won. As far as I can remember, Mr. Lim did not exactly set the Penang State Assembly on fire during his first term there.

I remember that many of us from the Labour Party in Kuala Lumpur went up to Penang at the end of my day's work and return by the last flight to K.L. only to repeat the same process the next day.

The SF won that by-election, one of the very few by-elections that the opposition has won since 1959. But Lim Kean Siew did not serve out his full term for he resigned before his term was up. He is in


the same position now and it is up to him to show that he will deliver the goods this time.

Lim Kean Siew has a very difficult task ahead of him. He is following in the footsteps of the revered C.Y. Choy, a real man of the people. Mr. Lim not only has to bring development to Pengkalan Kota but also attend to their daily problems as well. And crowing about his recent victory alone will not help. In terms of votes gained, the DAP received twice the number of votes they obtained in 1978.

I remember that in 1959 the Alliance nearly broke up when the Young Turks in the MCA objected to the manner in which the MCA candidates were selected by the Tunku. Even in the recent 1978 general elections, the MCA had some of their members resign to contest against the Gerakan and vice-versa. And even in the UMNO, did not some of their members who were not selected as candidates stand as independents?

Such dissension over the selection of candidates has happened in the past and I dare say will happen again in the future. The DAP does not have a monopoly over internal dissension in the selection of candidate. This is even more widespread in the BN.

But it is no secret that the DAP leaders did not pull together in the same direction as a team and that is the real cause of their defeat at Pengkalan Kota.



(Sumber: Star)

## BY-ELECTION – BN ADVANTAGE

One must remember that in a by-election, in Malaysia at least, the ruling party is always at an advantage. They can pour millions into a small constituency like Pengkalan Kota. Most of their top ministers can descend like bees on Pengkalan Kota. True, the DAP too called all their big guns to help out. But their big guns could not match the numbers and size of the Barisan's.

The DAP cried foul at the distribution of largesse on the spot government grants during the election. Such *PORK BARREL* politics are part and parcel of the election scenario. It happens in developed and underdeveloped countries. In the USA, both during primaries and the presidential elections, the President goes out about distributing largesse wherever he went.

But our election laws are inherited from the Westminister Model. This is also the system inherited and practised in most Commonwealth countries. In India and Sri Lanka such "buying" of votes have been challenged in the courts and in some cases the High Courts in India and Sri Lanka have found in favour of the plaintiffs.

In this country it is a pity that cases like this have not been tested in court. The DAP, if they feel very strongly that votes have been "bought", should test it in the High Court and if it wins it will have far-reaching results in future elections in this country.

### DAP CRISIS

After Pengkalan Kota, there has been a crisis in the DAP. This is nothing new in a political party. After the 1969 elections, the DAP had a big crisis in 1972 leading to the resignation of their Secretary-General who later joined the MCA. Then a few years back there was the resignation of Yeap Chin Guan and Oh Keng Seng, and then Fan Yew

Teng, and no doubt in future there will be other resignation from the DAP. Resignations, desertions, etc. are part and parcel of the life of a political party.

The UMNO is not the monolith it claims to be. In fact it has had its share of fragmenting all this time, starting with Dato Onn and leading on to Aziz Ishak.

...the BN candidates make a mockery of the law for their expenditure exceeds the fixed limits of election commission many times over !!!

This internecine warfare is also a feature of the MCA, leading to the revolt of the Young Turks in 1959 and the resignation of Lim Chong Eu, Yong Pung How, Ng Ek Teong etc. Then the Reform Movement were booted out by the then president Tun Tan Siew Sin.

### BAN ON RALLIES

There are two features of the short campaign that I wish to comment on. One is the ban on open rallies. The ban on rallies during an election was first imposed during the Kelantan State elections in 1974. The situation then in that state was tense and there might have been a justification to ban rallies at that time.

But during the General Elections of July 1978 political rallies were banned. At that time the security situation too was also given as the reason for the ban on rallies.

But was the security situation still tense in 1980? It seems that the Barisan Nasional Government has a vested interest in keeping the country in a state of perpetual emergency for we have three sets of

emergency laws prevailing in Malaysia at this time. The Barisan Nasional Government too has a vested interest in keeping alive the tense security situation so that they can restrict freedom of association and movement and so ban rallies during elections.

But the ban on rallies is a farce for every *ceramah* is a miniature rally and some are major rallies! Moreover the ban on rallies hit the opposition parties harder for they find it hard to find the funds to hire the halls and in any case most of the halls are owned by the MCA members or by people who are sympathetic to the MCA or the Barisan Nasional.

### HIGH CAMPAIGN EXPENSES

The other comment I wish to make is with regard to Election Expenditure. In every constituency, each candidate is restricted to a fixed sum of expenditure according to the size of the electorate in that constituency.

Originally the law allowed a flat rate for all candidates for all constituencies, big or small. Later, it varied the expenditure according to the size of the electorate in the constituency.

I would say that the BN candidates make a mockery of the law for their expenditure probably exceeds the fixed limit of Election Commission many times over!!! The difficulty is to prove it. But I do hope some enterprising loser will gather enough proof to present an election petition and so overturn the victory of the winner who flouts the election law regarding election expenditure.

In general, I would say that for every ringgit the opposition candidate spends in an election the Barisan Nasional candidate spends \$10/- if not more.

To sum up, the MCA has won a good victory at Pengkalan Kota but not the resounding victory that they claim to have won.

# AL-KISAH KAPITALISME



WILLY RUST GAGAL MENJELASKAN HUTANG NYA. DIA PILIH MATI DARI MENJADI PEKERJA DI KILANG NYA SENDRI. RAJA BESI 'MACPROFIT' MEMBELI KILANG NYA.


KEADAAN MENJADI SUKAR. KAPITALIS KECIL MENGHADAPI MUSUH YANG SENTIASA MENGANCAM MEREKA : PENGURUS BANK.

PENGARAH BANK ADA LAH JUGA SEORANG KAPITALIS. MELALUI PERNIAGAAN NYA IATELAH BERJAYA MENGUMPULKAN BANYAK WANG UNTUK KEMUDIAN NYA DI PINJAMKAN KEPADA ORANG LAIN.


(DIA MENDAPAT BUNGA DARI WANG YANG DI PINJAMKAN NYA)

SAPERTI DALAM KISAH 'WILLY RUST' PENGARAH BANK LEBIH SUKA MEMINJAM KEPADA KAPITALIS-KAPITALIS BESAR, KERANA KAPITALIS BESAR LEBIH PASTI DAPAT MEMBAWA KEUNTUNGAN KEPADA NYA. DENGAN CARA INI IA MENGURANGKAN RISIKO.


DALAM PERSAINGANINI, YANG KUAT DAN GAGAH SALING MEMBANTU SESAMA MEREKA



KILANG BESI DAN BESI WAJA, MINYAK DAN ARANG,  
BATU DAN SYARIKAT-SYARIKAT ELEKTRIK YANG -  
BANYAK MEMBUAT PINJAMAN KERANA KILANG-KILANG  
MEREKA MEMERLUKAN JENTERA YANG MAHAL.



MESIN-MESIN.



SYARIKAT-SYARIKAT BESAR DAN BANK-BANK BESAR

BEKERJASAMA DAN SALING  
BANTU MEMBANTU SESAMA  
MEREKA UNTUK MENJADI

LEBIH BESAR

DAN

MAKIN LEBIH BESAR

DAN

LEBIH BESAR LAGI.

(TERUTAMA NYA DI AMERIKA SYARIKAT DAN GERMAN)



DAN MEREKA MEMPUNYAI

KILANG-KILANG YANG SUNGAH

BESAR DAN CEKAP.

MEREKA DAPAT MENGELOUARKAN BARANG-BARANG  
SEHINGGA ---.



KAPITALIS TERSEPI. MEREKA MENURUNKAN HARGA DAN BARANG-BARANG MENJADI MURAH.

JUALAN MURAH!!

HARGA TURUN = WANG KURANG


TAK BOLEH

SAYA MESTI BERJIMAT CERMAT DARI SEGI LAIN

BAHAN MENTAH?




JENTERA?



TIDAK! TIADA MESIN YANG HARGA YANG LEBIH MURAH.

PEKERJA?



YA! SAYA BOLEH KURANGKAN UPAH MEREKA.

SAYA AKAN KURANGKAN GAJI PEKERJA



SEKARANG WANG KITA UNTUK BERBELANJA MAKIN KURANG,



\*Sambung bulan depan

KAPITALIS TIDAK BOLEH MENURUNKAN HARGA TERLALU RENDAH KERANA AKAN MENJEJASKAN UNTUNG DAN AKHIRNYA MENGORBANKAN PERNIAGAAN MEREKA SENDIRI SATU-SATU NYA JALAN YANG ADA IALAH DENGAN MENUTUP KILANG, SAMA ADA KESELUROHAN NYA ATAU SEBAHAGIAN DARIPADANYA. KESAN NYA SUNGGOH MENGEJUTKAN.



Pada bulan Februari 1946 — 35 tahun dahulu — seorang pemuda bernama Abdullah Sani bin Raja Kecil, yang menggunakan nama Ahmad Boestamam, telah menubuhkan cawangan belia kepada Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dengan nama API atau Angkatan Pemuda Insaf. Lebih kurang dua tahun kemudian, API telah diharamkan

Dunia memang tidak dapat melupakan tenaga pemuda. Dari semenjak dunia ada dan dalam masa dunia menempoh perubahan yang memang tuntut oleh 'alam mengikut prosesnya tenaga pemuda selalu terbukti. Dalam segala lapangan ada tenaga pemuda dan memang menghendaki tenaga pemuda itu.

Begitu pun pemuda dan pemuda itu ada dua sifatnya — pemuda yang insaf dan pemuda yang lupukan diri, pemuda yang menjadi harapan bangsa dan tanahair dan pemuda yang menjadi harapan pemudi.

Begitu pula dalam pergerakan kebangsaan. Kalau pemuda itu tidak dapat bergerak dan lambat berhasilnya cita-cita dengan secara sihat, maka tidak ada keberatan bagi mereka untuk memilih jalan yang keras dan radikal seperti memberontak.

#### Gerakan-gerakan pemuda di Malaya

Sebagaimana di lain-lain negeri juga di Malaya ini pun ada gerakan-gerakan Pemuda. Kerana Malaya ini didiami oleh bermacam-macam bangsa maka gerakan-gerakan pemuda itu pun terbahagialah mengikut bangsa-bangsa itu.

Bagi bangsa China ada Sam Min Chui Youth Corps dan New Democratic Youth League yang terbesarnya.

Bagi bangsa Indian ada Hind Volunteer Service yang terbesarnya.

Bagi bangsa Melayu pula ada beberapa barisan pemuda tetapi kebanyakannya daripada barisan-barisan pemuda itu tertentu bagi satu-satu negeri, atau satu-satu daerah sahaja seperti Perikatan Pemuda Melayu bagi negeri Perak, Ikatan Pemuda Melayu bagi negeri Selangor dan lain-lain.

Yang meliputi bagi seluruh Malaya ialah Angkatan Pemuda Insaf (A.P.I.) Malaya.

Dan di antara gerakan-gerakan Pemuda di Malaya itu cuma satu sahaja yang telah bergabung dengan Gabungan Pemuda Democratic Sedunia iaitu New Democratic Youth League Malaya.

#### Angkatan Pemuda Insaf (A.P.I.)

Angkatan Pemuda Insaf (A.P.I.) telah ditubuhkan

oleh pemerintah penjajah British beberapa bulan sebelum Partai Komunis Malaya serta badan-badan lain diharamkan menjelang pengistiharan dharurat pada Jun 1948. *Testamen Politik API* yang merupakan ucapan Ahmad Boestamam kepada Kongres API yang pertama telah dianggap sepi oleh pemerintah British ketika itu. NI akan menerbitkan petikan-petikan pilihan dari Testamen ini dalam keluaran ini dan yang berikut.

INSAN juga dapat membekalkan dua buku Ahmad Boestamam yang berjudul *Merintis Jalan Ke Puncak* dan *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya* (\$2.). Baru-baru ini, sejarawan nasionalis Melayu, William Roff telah menerbitkan terjemahan *Merintis* dalam bahasa Inggeris dengan judul *Carving The Path To The Summit*. Penjualan buku ini amat laris setelah pengakuan Ustaz Musa Ahmad melalui RTM pada awal bulan Januari 1981.

pada tanggal 17-2-46 di Ipoh dengan tenaga dan kemahu-an 3 orang pemuda yang mempunyai tanggungjawab yang penuh terhadap bangsa dan tanahair, yang radikal jiwanya iaitu:—

1. Sdr. A. Boestamam.
2. Sdr. A. Rahman Abdul Rahim
3. Sdr. A. Bakar Thareek.

Pada hari itu di Ipoh Partai Kebangsaan Melayu Malaya akan mengadakan suatu perjumpaan ramai kerana merayakan genap 6 bulan usia N.R.I. dan kebenaran untuk berarak telah didapat.

Sebagai hendak membuktikan kesanggupan pemuda maka pengasas A.P.I. yang tiga orang tadi itu telah mengumpulkan beberapa orang pemuda bekas Gyu Gun, Gyutai dan lain-lain berbaris sebagai barisan A.P.I. dalam perarakan itu serta ditempatkan di barisan muka sekali membawa Sang-Saka Merah Putih.

Perarakan ini berjaya. Lebih kurang 30 orang telah berdiri sebagai barisan A.P.I.

Dari semenjak itulah A.P.I. disusun dengan giat. Cawangan-cawangan mulai berdiri dengan cepat. Ahli-ahli semakin bertambah banyak bilangannya. Sekarang A.P.I. yang asalnya 3 orang itu telah mempunyai anggota bilangan ribu. Sekarang A.P.I. telah mempunyai cawangan-cawangan di serata tempat dalam Tanah Melayu ini. Sekarang pemuda Melayu yang radikal jiwanya telah memasukkan dirinya dalam barisan A.P.I. kerana A.P.I. ialah satu gerakan pemuda yang berjiwa radikal.

#### Tujuan-tujuan A.P.I.

- (a) Menyatakan pemuda-pemuda yang insaf dalam satu BARISAN.
- (b) Mengukuhkan barisan perjuangan untuk bangsa dan tanahair.
- (c) Memberi latihan siasat, ROHANI dan JASMANI kepada pemuda-pemudanya supaya bersedia menjadi pemimpin bila dikehendaki.
- (d) Membina semula Malaya mengikut faham Demokrasi yang sejati yang berdasarkan kedaulatan rakyat.
- (e) Menutut perwakilan dalam pemerintahan Malaya.

Pendeknya A.P.I. mahu berjuang untuk mencapai kemerdekaan bangsa dan tanahair dengan segala jalan yang terbuka, dengan lembut jika boleh, dengan keras jika terpaksa.

A.P.I. berkeyakinan kemerdekaan bangsa dan tanahair itu hanya boleh didapati dengan tenaganya sendiri dengan jalān percaya kepada tenaga sendiri.

### Ideologi A.P.I.

Ideologi dan cita-cita A.P.I. itu ialah:—

#### 1. Dalam politik

A.P.I. mahu kepada satu Negara Merdeka yang berdasarkan demokrasi tulen, satu pemerintahan yang datangnya dari rakyat, dijalankan oleh rakyat menerusi kerajaan yang dibentuk oleh wakil-wakil rakyat, untuk faedah, kebijakan dan keselamatan rakyat.

#### 2. Dalam Ekonomi

A.P.I. mahu kepada satu susunan ekonomi yang teratur (planned economy) yang bukannya untuk faedah satu dua orang atau satu dua pihak sahaja tetapi untuk faedah bersama — untuk faedah orang ramai atau rakyat jelata.

A.P.I. berkeyakinan untuk mendapat susunan ekonomi teratur yang demikian itu segala sesuatu yang menge-nai soal ekonomi haruslah dipegang oleh Negara — atau State. Selagi susunan ekonomi satu-satu negara itu dipegang oleh segolongan manusia yang sedikit maka selama itulah faedah yang didapati daripadanya hanya dapat dirasa oleh segolongan manusia yang sedikit itu sahaja. Bahkan mungkin susunan ekonomi itu diperkotak-katikkan mereka untuk faedah mereka semata-mata.

Daripada sini dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa punca segala-galanya ialah politik. Ekonomi yang teratur tidak akan dzahir jika negara masih terjajah, jika pemerintahan tanahair kita ini tidak di tangan kita sebab ekonomi yang teratur itu baharu dapat kita jalankan, apakala kuasa politik telah ada di tangan kita. Pendeknya kuasa politiklah yang lebih dahulu patut kita ambil baharu dapat kita menyusun ekonomi yang teratur.

#### 2. Dalam Sosial

A.P.I. mahu kepada satu susunan masyarakat yang adil atau yang dikatakan keadilan sosial. Keadilan sosial adalah satu sendi, suatu syarat yang utama dan penting untuk menentukan tulen atau tidaknya demokrasi yang dijalankan oleh satu-satu negara itu. Selagi keadilan sosial tidak ada selama itulah demokrasi itu tidak tulen seratus peratus.

Apakah yang dikatakan keadilan sosial itu?

Kepada A.P.I. keadilan sosial itu ialah susunan masyarakat sesuatu bangsa yang di dalamnya tidak ada lagi pembahagian tingkatan yang diadakan oleh manusia yang di antara satu sama lain bertentangan dalam faedah, hak kepentingan dan kewajipannya terhadap negara.

Kepada A.P.I. adanya orang-orang bangsawan dan

adanya rakyat murba, adanya yang mulia dan adanya yang hina itu ialah kerana masyarakat tidak adil, kerana diadakan oleh manusia yang kerana tipu muslihatnya dapat mengadakan kelas-kelas dalam masyarakat manusia itu.

Susunan ekonomi yang tidak teratur pada masa ini menyebabkan timbulnya dua kelas iaitu kelas kaum modal dan kelas kaum marhaen (proletar). Kedua-dua kelas ini terpaksa bertentang kerana berlainan kepentingan — yang pertama hendak menindas dan memeras yang kedua. A.P.I. berkeyakinan bahawa untuk mendapatkan keadilan sosial itu maka pertentangan kelas itu hendaklah dihapuskan. Pendeknya dalam menuju keadilan sosial itu A.P.I. bermaksud akan menghapuskan pertentangan kelas dalam masyarakat bangsa Melayu.

Inilah dia ideologi A.P.I., inilah dia cita-cita A.P.I. dalam perjuangannya.

Maka untuk mencapai ideologi inilah A.P.I. menyusun barisan, mengadakan persiapan dan persediaannya.

A.P.I. sedar untuk mencapai hasilnya cita-cita ada dua jalan besar yang terbuka iaitu:—

1. Jalan cepat, radikal dan serentak.

2. Jalan sihat, lambat dan perlahan-lahan.

Jalan yang pertama mendatangkan perubahan dalam segala lapangan dalam masa yang singkat, dan jalan yang kedua mendatangkan perubahan dengan beransur-ansur, sedikit demi sedikit.

Jalan yang pertama menuntut perjuangan, jalan yang kedua hanya mengharapkan belas kasihan, terhad pada meminta-minta sahaja.

Jalan yang pertama meminta pengorbanan tenaga, harta dan darah, jalan yang kedua bersandar hanya kepada air liur.

Maka di antara dua jalan ini A.P.I. memilih jalan yang pertama. Keyakinan A.P.I. hanya ada pada jalan yang pertama itu sahaja. Sebab itulah A.P.I. memakai semboyan:

**KERAS LAWAN KERAS, LEMBUT LAWAN LEMBUT**

dan dengan semboyan inilah A.P.I. menyusun barisannya, mengadakan persiapan dan persediaannya mulai dari sekarang.

Baik dalam organisasi, mahupun dalam perjuangan, disiplin adalah suatu perkara yang terpenting. Dengan tidak adanya disiplin sesuatu organisasi itu tidak akan teratur dan sesuatu perjuangan itu tidak akan jaya. Pergerakan akan kelamkabut jika tidak ada disiplin, jika tidak ada kawalan. Begitu juga perjuangan akan menjadi kacau bilau jika tidak ada disiplin dalam perjuangan.

Sesuatu pergerakan itu akan pincang jalannya, akan terputus jika ia hanya menyediakan persiapan ke dalam sahaja. Ibaratkan sahajalah seperti kita hendak mendirikan sebuah rumah yang akan kita diam di dalam sebuah kampung. Jika kita hanya mementingkan persiapan dan

sambungan di m.s. 31

# MASALAH KESUSASTERAAN MELAYU DI SINGAPURA MASA DEPAN YANG MALAP?

• Munira

Pada 6 dan 7hb. Disember yang lalu telah berlaku satu pertemuan yang bersejarah di bumi Hang Tuah antara penulis-penulis Singapura dengan penulis-penulis Malaysia. Pertemuan antara dua rumpun bangsa Melayu tersebut dianjurkan bersama oleh kerabat GAPENA di Melaka, iaitu Persatuan Penulis-penulis Negeri Melaka (PENAMA), Ikatan Bahasa Melayu (IBM) dan Lembaga Bahasa Melayu (LBM).

Singapura diwakili oleh ASAS 50, iaitu persatuan tunggal di republik tersebut. ASAS 50 diketuai oleh Sdra. Masuri S.N. dan Sdra. Suratman Markasan. Dua buah kertaskerja dibincangkan di bengkel tersebut: *ASAS 50 dan Sastera Melayu Singapura Selepas Perpisahan Dengan Malaysia* oleh Sdra. Masuri dan *Tenaga Baru Dalam Sastera Selepas Merdeka* oleh Sdra. Baha Zain dari Malaysia.

Perbahasan kertaskerja Sdra. Masuri lebih hangat daripada perbahasan kertaskerja Sdra. Baha. Ini disebabkan beberapa soalan-soalan yang *controversial* telah bertalut-talut dikemukakan oleh peserta-peserta kepada penceramah. Persoalan pokok timbul daripada beberapa peserta Malaysia yang telah menyuarakan pendapat-pendapat yang agak pesimis tentang masa depan ASAS 50 di bawah pemerintahan kukubesi Lee Kuan Yew.

## Ranjau Sepanjang Jalan?

Mengikut Sdra. Masuri, ASAS 50 tidak pernah berfikir negatif walaupun terpaksa menghadapi berbagai ranjau, halangan dan sekatan. Beliau yakin bahawa perkembangan bahasa dan sastera Melayu di Singa-


pura akan dapat terus ditingkatkan ke peringkat yang lebih tinggi asal saja ada usaha-usaha yang tidak mengenal putus asa dan dikerjakan dengan sungguh-sungguh.

Beliau bagaimanapun tidak menafikan bahawa perpisahan Singapura dari Malaysia telah mengurangkan medan tempat mereka untuk menyampaikan serta mengemukakan hasil karya mereka di Malaysia. Tambahan pula, sebelum perpisahan tersebut, beberapa orang pemimpin ASAS 50 telah berhijrah ke Kuala Lumpur, seperti Keris Mas, Asraf, A. Samad Said, Awam-il-Sarkam, A. Samad Ismail, Usman Awang dan lain-lain.

Akibatnya secara perlahan-lahan dan beransur-ansur Kuala Lumpur telah mengambil alih sebagai pusat kegiatan dan perkembangan bahasa dan sastera Melayu yang lebih meluas dan terbuka. Secara otomatis dan natural juga, Singapura sebagai pusat kegiatan dan perkembangan bahasa dan sastera Melayu mulai malap dan api kegemilangan mulai pudar.

Dalam soal ini, seorang peserta dari Malaysia telah menyuarakan suatu pendapat yang menggerunkan. Beliau berpendapat bahawa masa depan ASAS 50 adalah gelap. Ini disebabkan katanya oleh *tekanan dan halangan* yang begitu sistematis oleh dasar pemerintahan kuku besi Lee Kuan Yew, dan juga kelemahan-kelemahan dalam ASAS 50 itu sendiri.

Beliau seterusnya menegaskan bahawa oleh kerana orang-orang Melayu Singapura merupakan penduduk minoriti (15%), ianya di khuatiri akan terus hanyut dan



lenyap di bawah arus falsafah kebendaan kota kosmopolitan. Ini berdasarkan merosotnya bilangan pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah Melayu serta merosotnya nilai ekonomi bahasa Melayu itu sendiri.

Pada Sdra. Masuri, andaian pesimis tersebut tidak tepat. Beliau tidak banyak memberi komen terhadap pendapat tersebut kerana katanya itu di luar kemampuan ASAS 50 serta persoalan tersebut berbau politik. Soal yang timbul dalam hal ini – dapatkah kita membicarakan sastera secara *isolated* tanpa merujuk kepada soal-soal politik kerana politik ialah penentu corak dan konsep sastera itu sendiri.

## Sikap 'Big Brother'?

Seorang peserta dari Singapura cuba mempertahankan ASAS 50 dengan menyatakan bahawa orang Melayu Singapura tidak perlu simpati dari sikap *Big Brother* orang Melayu di Malaysia. Beliau disokong oleh Sdra. Masuri sendiri: "ASAS 50 harus memamparkan wajahnya sendiri dengan melihat

lebih ke dalam daripada mengharapkan kepada sesuatu yang di luar jangkaunya". Tetapi anihnya, Kenyataan tersebut tidak dijelaskan dengan terang oleh beliau.

Seorang peserta Malaysia menanyakan soalan kepada Sdra. Masuri sama ada ASAS 50 sekarang masih lagi *committed* dengan cogankata *seni untuk masyarakat*. Oleh kerana *seni untuk masyarakat* ialah *seni yang realis* ataupun seni yang mencerminkan hakikat atau keadaan sebenar, telah timbul pertanyaan sama ada ASAS 50 ada menghasil-

kan karya-karya yang berbentuk protes kepada pemerintah atau tidak.

Persoalan ini timbul disebabkan Republik Singapura sebuah pemerintahan yang bersifat kukubesi mungkin telah berusaha untuk menekankan karya-karya yang memperjuangkan kebenaran dan keadilan. Nampaknya, persoalan ini sekali lagi tidak mendapat penjelasan yang sewajarnya.

ASAS 50 mungkin mempunyai maksud yang berbeza pada setengah orang. Tapi sebagai berpegang ke-

pada konsep *seni untuk masyarakat*, seni itu patut membela nasib rakyat jelata ataupun seni yang *committed*, yang mengikut Wira Jaya (NI 19) adalah seni yang mempunyai pendirian, iaitu seni yang terlibat dalam perjuangan rakyat.

Dalam soal ini, kita mengharap agar ASAS 50 tidak akan lupa perjuangan asalnya sebagai pendukung konsep realisma yang, mengikut Wira Jaya lagi, haruslah melibatkan soal isi serta rupa, dan bukannya hanya soal bentuk seperti diandalkan oleh setengah pihak.

(N)

sambungan dari m.s. 29

persediaan ke dalam ertinya ramuan rumah itu, ya! tidak ada persiapan keluar ertinya tidak ada permuafakatan dengan orang ramai di kampong itu bukanlah boleh jadi orang sekampung itu akan memulaukan kita.

Jika di Indonesia dapat dilaksanakan perikatan pemuda-pemuda segala bangsa. Apakah di Malaya tidak boleh demikian?

Maka demikianlah pula kita. Kita mahu berikat dan bekerja sama dengan pemuda-pemuda segala bangsa yang ada di Tanah Melayu ini, tetapi kita tidak akan begitu bodoh mahu bekerja sama dan berikat dengan pemuda-pemuda segala bangsa yang menggalang-galang perjuangan kita, yang tidak suka bangsa kita mulia dan merdeka bahkan mereka itu ialah musuh kita.

Sekali pun pemuda-pemuda itu daripada bangsa Melayu sendiri, daripada adik abang kita sendiri, mereka itu juga ialah musuh kita; setidak-tidaknya inilah dia disiplin A.P.I. — inilah dia undang-undang perjuangan yang harus ada dalam satu-satu badan politik yang mempunyai tujuan besar hendak merebut kemerdekaan bangsa dan tanahair.

Maka itulah sebabnya perikatan pemuda segala bangsa di Malaya ini dipandang perlu dan mustahak diadakan. Kita harus mengetahui bahawa kita pemuda-pemuda Malaya samada Melayu, China, India atau lainnya tidak-lah ada perbezaannya — tidak ada lebih kurangnya. Kita adalah sama-sama pemuda anak tanah jajahan yang hidupnya terbiar, yang pelajarannya tidak diperuahkan dan sangat sedikit yang mendapat peluang melanjutkan pelajarannya dan memetik buah pelajaran yang tinggi-tinggi yang hanya digalakkan menjadi alat (perkakas) dan berkuli dan lain-lain, yang hanya ditidur-tidur dan dibuai-buaikan dengan segala macam kepalsuan dan kepelesiran hidup. Dan seribu satu macam didikan anak tanah jajahan yang tak baik lagi — bukan memajukan semangat pemuda tetapi memundurkannya, bukan menaikkan taraf pemuda tetapi menjatuhkannya, sebab itu kita ada mempunyai tujuan yang sama sekarang iaitu

NADI INSAN, FEBRUARI 1981

menghapuskan angkara-angkara yang menghimpit kita itu, dan untuk menghapuskan angkara-angkara itu maka perlulah kita mendirikan satu benteng — benteng waja — untuk menghapuskan segala puak dan pihak, segala golongan yang menyebabkan angkara-angkara itu. Ibarat menghilangkan penyakit bukanlah penyakit itu yang hendak dipukul tetapi kuman-kuman penyakit itulah yang hendak dibunu — ibarat mengubat penyakit hawar maka hendaklah tikus-tikus yang menjadi punca kedatangannya itu dihapuskan.

Saudara-saudara pemuda A.P.I. dan pemuda-pemuda Melayu di seluruh Malaya! Menilik kepada kepentingan-kepentingan ini marilah dari sekarang kita menyusun barisan kita menyusun perpaduan Bangsa Melayu, kemudian marilah kita menyusun barisan perpaduan pemuda-pemuda Malaya segala bangsa yang sukakan democracy, kemudian marilah pula kita menyusun barisan perpaduan pemuda-pemuda Asia dan akhirnya perpaduan pemuda-pemuda sedunia. Hanya dengan jalan inilah sahaja keamanan, keadilan dan demokrasi dapat dijamin di dunia ini.

Pemuda-pemuda A.P.I. dan pemuda-pemuda Melayu seluruhnya. Marilah kita berjuang untuk kemerdekaan kerana hanya di dalam negara yang merdeka sahalah bangsa Melayu baharu mulia.

Marilah kita berjuang untuk demokrasi kerana hanya di dalam negara demokrasi sahalah keadilan baharu ada dengan sebenarnya. Marilah kita berjuang untuk keamanan kerana hanya di dalam negara yang aman, di dalam dunia yang aman sahalah kesentosaan dan kebahagiaan yang sebenarnya-benarnya baharu ada.

Berjuanglah!

Merdeka dengan darah,

AHMAD BOESTAMAM,  
Ketua (1) Lembaga Tinggi A.P.I.  
Malaya

Kuala Lumpur,

31hb Oktober, 1946.

31

# AKU BERANI

Mereka kata aku tak berani  
Selama aku memerlukan wang mereka  
Selama perut ini mula berputar  
Dan kekosongannya mula menyeru  
    bukan untuk keindahan  
    atau keagungan  
    atau kebebasan  
    atau kebenaran  
Tetapi untuk makanan dan mekanan saja  
Selama itulah aku terus memerlukan wang mereka  
Wang yang dibekalkan sekadar mencukupi  
Untuk aku hidup dan menbolehkan aku  
Terus menghidupkan kilang mereka  
Terus memutarkan jentera mereka  
Terus menjaminkan ketibaan wang itu  
    untuk penginapan mereka di tepi pantai  
    untuk menampung majlis minuman mereka  
    untuk menampung majlis makan malam mereka  
    atau maksiat mereka di malam hari  
    dengan saudariku di dalam jeratan kegelapan  
Mereka kata aku tak berani  
Selama aku bekerja mendapatkan wang mereka  
Selama wang mereka sekadar menampung aku . . . hidup terus  
Mereka juga kata aku seorang perempuan  
Selama hakikatku kemikian  
    membelanjakan wang mereka dengan pakaian beragam  
    mencuntingkan mukaku dengan rincu merah biru dan hitam  
    menegur, kerap menegurku  
    supaya menolak tatasusila kampung  
    supaya menafikan keindahan, ketulenan diriku  
Mereka kata aku tak berani  
Itulah pendapat mereka  
    tetapi terseliput di dalam bilik yang tak bernyawa ini  
    renungan terpaku ke arah kedinginan alam  
    memajang benda-benda yang tak berhabisan. . . . .  
    dan mataku pedih  
    dan tanganku lenguh  
    dan badanku sakit  
    dan fikiranku berkobar dengan kebancian  
Terbenam dalam ketidakupayaan ini, aku berani  
Kerana kekejaman keadaan ini  
Tidak dapat menahan kehampaan nyawa ini  
Dan bukan wang mereka yang aku idamkan  
Untuk menampungku, sekadar hidup  
Bukan hidup mereka yang aku ingin  
Sebenarnya, bukanlah aku tak berani  
Tapi kerana  
    aku tak sanggup terus bertungkus lumus untuk tuan yang tak bernama  
    membanjiri akaun banknya dengan titik peluhku  
    ambil perutku ketegangan untuk secebis sarapan  
    jiwaku membelenggu layu  
Sebenarnya aku dan saudariku menuntut kebebasan  
Sebenarnya keindahan, dan keagungan, dan kebenaran dalam hidup  
yang kami cari  
    untuk menahan berjuta-juta perut dari kebuluran  
    untuk menahan jiwa kami dan jiwa-jiwa lain  
    dari sedutan yang menuju ke lembah eksploitasi dan pemerasan  
Kami akan menentang penangkalan ini!

Maznah

# *I DARE*

They say that I don't dare  
As long as I need their dollars  
As long as this stomach begins to churn  
And its emptiness begins to beg  
    Not for beauty  
    or for greatness  
    or for freedom  
    or for truth  
But for food and only food  
That will be as long as I need their dollars  
Dollars they spare that will be just enough  
For me to keep alive, and for me  
To keep their conveyor belts running  
To keep their machines spinning  
To keep those dollars coming in  
    for thier seaside resorts  
    for their cocktail parties  
    for their nightly banquets  
    or for the immoral nights spent  
        with my sisters in those dark "traps"  
They say that I don't dare  
As long as I work to earn their dollars  
As long as their dollars can keep me just -- alive  
They also say that I am a woman  
As long as I remain that  
    by spending their dollars on fancy attires  
    by painting my face with those red, blue black eyes  
    by telling, always telling me  
        to deny those manners of the kampong  
        to deny the beauty of myself  
They say that I don't dare  
That's what they think  
    But sitting in this lifeless room  
    starring into the coldness of space  
    looking at these never ending objects . . .  
    and my eyes are sore  
    and my arms are tired  
    and my body aches  
    and my mind is profused with hate  
Drowned in this helplessness, I dare  
For the cruelty of this condition  
Will never stop this life from becoming meaningless  
And it is not their dollars that I want  
To keep me just alive  
It is not their life that I choose to live  
The truth is not that I don't dare  
It is that,  
    I can no longer toil for a nameless master  
    flood his bank account with my labour  
    as my stomach overworks for a meager morsel  
    my soul fettered  
It is the freedom that I and my sisters want  
It is the beauty, and the greatness, and the truth of living  
That we seek  
    to stop the stomachs of millions from going hungry  
    to stop our lives and the lives of others  
        from being sucked into the well of exploitation and oppression  
We shall oppose this negation!

**maznah**

# BAS ROMBONGAN

Hasnul Abdul Hadi

Wahab sudah bermandi peluh. Dia telah berjalan kaki dari kompleks jual-beli di Tanjung Katong dan baru tiba di kaki jambatan-lalu-atas untuk menyeberangi jalan raya di Geylang Serai. Di atas bahu kirinya, ia memikul sebuah kotak besar yang terasa beratnya dan di tangan kanannya ia membimbang suatu bungkusan yang agak berat juga. Mukanya kelihatan merah-padam. Jam sudah menunjuk 12.30 tengah-hari dan matahari sedang menyinar dengan sehangat-hangatnya.

Isterinya, Nyonya, sepanjang jalan telah mengikutinya dari belakang. Ia juga kelihatan termengah-mengah dan berpeluh-peluh. Dan seketika lagi ia telah tiba di sisi Wahab dengan membawa dua bungkusan yang besar lagi padat.

Sambil melepaskan orang berduyun memanjat tangan yang tinggi itu, Wahab bersungut, "Ini semua engkau punya pasal. Pilih-punya-pilih, hendak belek satu-per-satu, hendak beli satu Singapura, kita sudah lewat setengah jam. Padan muka engkau, kalau bas sudah tinggalkan kita."

Isterinya diam sahaja. Ia menyedari bahawa mereka sudah lewat setengah jam. Tetapi, ia tiada risau langsung, tiada kesah pun. Ia tidak kira rombongan mereka akan tinggalkan mereka, kerana di Kallang tadi, dan sebelum itu di Lapangan Terbang Paya Lebar awal lagi, ramai kawan-kawan telah terlambat, tetapi bas terpaksa menunggu juga.

"Aku punya mahu, kita datang ke Singapura ini, beli satu-dua helai baju dan satu-dua barang lain sudahlah. Kita kemari hendak makan-angin, hendak *relax*, hendak tengok kemajuan yang di gembar-gemburkan oleh si Rahim. Bukan hendak menghela khazanah berat di tengah-tengah khalayak ramai di Bandaraya Singapura," kata Wahab dengan bengisnya.

Isterinya pura-pura tidak mendengar sahaja. Ia bukan tidak tahu hendak menjawab, malah bukan tidak pernah menjawab. Sebenarnya, ia khuatir suaminya akan naik baran betul-betul dan akan meninggalkan barang-barang belianya di tepi Jalan Geylang Serai itu.

Mendaki anak-tangga jambatan, Wahab merengus lagi, "Lain kali . . . . . Ceh, tiada lain kali lagi . . . Kalau yapun aku datang kemari, aku tidak akan bawa engkau. Kalau engkau hendak datang, datang sendiri, dan bawa

jongos untuk memikul barang-barang engkau."

Isterinya mengikutinya naik ke atas dan membisu lagi. Ia rasa lebih baik bersabar. Tunggu sahaja sampai ke rumah. Tetapi, di dalam hati kecilnya ia terasa sedikit melihat jongos lamanya mengangkut barang-barang pilihannya.

Setelah sampai di seberang jalan, mereka menuju pula ke rumah-pangsa yang berdekatan dan yang tersergam lagi tinggi itu. Rumah itu adalah pemandangan baru bagi Wahab. Ia teringat bahawa bertahun-tahun dahulu, di waktu ia berada di Singapura di masa bujangnya, rumah-pangsa itu belum berdiri lagi. Ketika itu, Jalan Geylang Serai sempit sungguh, dan di tepi-tepi jalan itu, terdapat berjenis-jenis warung kecil. Di antara Jalan Changi dan Jalan Joo Chiat, terletak Pasar Geylang Serai yang sentiasa sibuk, dan di seberang Jalan Changi, duduk Kebun Ubi yang amat luas dan yang dipunyai oleh hartawan Al-Sagoff.

Sekarang ini, Pasar Geylang Serai sudah tidak kelihatan lagi. Kampung Kebun Ubi dengan segala anak-anak jalan seperti Lorong Lada, Lorong Timun, Lorong Bawang, dll. dan semua sekali pondok-pondok kaum pekerja sudah lenyap sama sekali, seolah-olah sudah dijilat api. Semua ini telah digantikan pula dengan rumah-rumah-pangsa, berderet-deret sejauh mata memandang.

Tercungap-cungap Wahab suami-isteri melalui pembukaan di tengah-tengah rumah-pangsa di tepi Jalan Geylang Serai itu. Di sebalik rumah-pangsa itu telah dibina Pasar Baru Geylang. Mereka tidak melalui di tengah-tengah pasar yang luas itu, tetapi mengikuti lorong di irungan sebelah kiri sahaja. Mula-mula mereka menempuh *stall-stall* buah buahan.

"Bang, berhenti sekejap. Budak-budak di rumah pesan beli anggur dan *apple*," teriak isterinya.

Wahab tidak menghiraukan isterinya. Ia berjalan terus dan Nyonya terpaksa ikut juga. Mereka melalui *stall-stall* kain-baju dan kemudian menempuh tempat jalan makanan.

Di hujung pasar, Wahab berhenti di hadapan kedai Mamak menjual rokok. Ia membeli dua *carton* Neptune Navy Cut. Isterinya pula bersungut di belakang, "Buah tidak boleh beli. Pesanan anak-anak diperdulikan. Lagi-lagi rokok. Tidak guna tanam tembakau di kampung ka-

lau terpaksa beli rokok di Singapura."

Wahab tidak layan pun isterinya.

Keluar dari pasar, mereka lihat bas mereka masih ada lagi di tempat perhentian kereta. Wahab menunjukkan muka masam lagi, tetapi isterinya tersenyum terus.

Wahab dan isterinya terpaksa menyeberangi satu jalan kecil untuk mendapatkan bas mereka. Masih tidak berapa jauh dari bas itu, Wahab terdengar Rahim yang duduk di bangku hadapan sekali berteriak, "Drebar, lekas jalan. Tinggalkan mereka. Mereka sangka mereka tuan besar, kita mesti tunggu. Biar mereka balik naik kapal terbang."

Wahab tidak indahkan kata-kata itu. Ia terus menlong *conductor* bas menaikkan barang-barangnya ke atas bas. Kemudian, dia serta isterinya naik duduk di tempat masing-masing — Wahab di sebelah kawan lamanya Rahim dan isterinya di sebelah isteri Rahim.

Di waktu mereka bertolak dari Melaka pada jam 12.00 tengah malam tadi, Wahab dan isterinya telah menduduki bangku hadapan di sebelah kiri bas dan Rahim dan isterinya mendapat bangku belakang mereka. Di bangku pertama, betul-betul belakang drebar pula, duduk Hajjah Maimoon, ketua rombongan, bersama-sama Cik Som, seorang saudagar kain-baju. *Conductor* bas duduk di atas bangku kecil betul-betul berhadapan dengan Rahim dan Wahab.

Tetapi, di dalam perjalanan dari Melaka ke Singapura, Wahab, Rahim, Drebar, Hajjah Maimoon, Cik Som dan *conductor* bas, terutama sekali di antara Wahab dengan Rahim, telah membincangkan berbagai masalah. Isteri isteri Rahim dan Wahab tidak ikut serta dalam perbualan itu. Jadi, untuk memudahkan mereka bertukar fikiran, Wahab telah menyuruh isterinya duduk di bangku belakang dan Rahim telah berpindah duduk di sisi Wahab.

Wahab dan Rahim bukan bertemu di atas bas itu. Mereka berkenalan dari sejak mereka kecil lagi. Mereka dilahirkan di Kampung Padang dan telah dididik di Sekolah Melayu Limbongan. Kedua-duanya di latih untuk bertani. Mereka mahir menanam padi dan cekap juga menanam tembakau. Dan tentang mengangkat berat, tidak ada yang boleh menandingi mereka. Kepada mereka, memikul sekarung beras sejauh satu batu adalah perkara biasa sahaja.

Sungguh pun mereka telah dilatih serta dididik untuk menjadi petani, mereka senantiasa melirik pemandangan terhadap kawan-kawan yang berjawatan tertentu, terutama sekali terhadap Kerani Aziz dan Cikgu Hashim. Cikgu Hashim dan Kerani Aziz boleh dikatakan budak mentah lagi, ubun-ubun mereka, kata orang tua-tua, masih lembek lagi. Tetapi, sudah berumah besar, sudah pakai kereta, sudah menjadi pegawai mesjid.

Kerana iri hati terhadap orang-orang yang bekerja di lapangan lain, mereka telah meninggalkan sawah-padi, kecuali sebagai pekerjaan sambilan, dan sekarang ini berkhidmat dengan Majlis Perbandaran.

Sungguh pun mereka berkawan rapat, banyak kalanya



mereka bertentangan paham. Mereka selalu bertengkar bila bertemu, seolah-olah membenarkan kata-kata 'tidak boleh tertemu rom', kerana selalu sahaja mereka berlainan pendapat. Umpamanya, bila membincangkan masalah penanaman tembakau, Rahim bersikap bahawa Kampung Padang telah dipilih untuk mengeluarkan hasil tembakau oleh kerana tanahnya hitam, halus serta subur. Tetapi, Wahab pula berpendapat bahawa tembakau boleh ditanam di kampung mereka kerana rakyat kampung itu hampir semuanya miskin.

Suatu petang, di kedai Salim, mereka bertemu lagi, Rahim telah memulakan perbualan.

*Rahim:* Aku akan ikut rombongan pada awal bulan hadapan.

*Wahab:* Rombongan ke mana?

*Rahim:* Rombongan ke Singapuralah. Hajjah Maimoon sudah datang ke rumah. Isteri aku sudah tempah dua tiket. Kita hendak beli baju raya, perkakas dapur dan radio kecil. Di Singapura, semuanya murah, bukan macam di sini. Engkau duduk kayakan kedai-kedai di Bunga Raya sahaja.

*Wahab:* Patutlah isteri aku pun sudah tergesa-gesa hendak ke Singapura. Ini Hajjah Maimoon mesti dilarang masuk ke kampung kita. Tiap-tiap bulan, dia ajak orang kampung melancung ke Singapura. Bawa duit banyak-banyak dan curahkan ke dalam kantung Lee Kuan Yew.

*Rahim:* Hajjah Maimoon tiada salah. Dia orang meniaga. Lagi pun kita bukan orang berada. Tidak boleh ke Singapura dengan kereta, memadai lah dengan bas. Kalau engkau seorang tidak setuju, jangan sekat orang lain.

*Wahab:* Apa jadahnya hendak buat di sana? Buang-buang duit sahaja. Aku tahu betul Singapura. Aku lama di sana dahulu.

*Rahim:* Dahulu lain. Dulu Lim Yew Hock dan David Marshall. Sekarang ini Lee Kuan Yew. Semua sudah berubah. Barang-barang murah. Rumah-pangsa di mana-mana. Tiada korapsi. Bandarayanya bersih. Engkau tidak percaya, mari sama-sama tengok. Lebih elok dari sini. Kalau tidak, engkau ludah muka aku.

Wahab telah menerima cabaran itu. Ia telah bersetuju ke Singapura, lebih kerana desakan dari isterinya. Ia terpaksa pergi, cabaran atau tidak. Kalau tidak, ia akan ditinggalkan oleh isterinya. Itulah sebabnya, sungguhpun badannya di Singapura, hatinya tidak gerang sedikit pun.

Apakah bas itu keluar dari Geylang Serai dan menuju pula ke Sungai Road, Hajjah Maimoon cuba hendak mengembirakan suasana dengan berkata, "Banyak betul Abang Wahab beli barang-barang di Geylang tadi." Wahab masih bengis lagi, "Itu bukan barang-barang aku. Aku cuma beli rokok sahaja. Kakak engkau beli pinggan-mangkuk selagi yang ada. Dia hendak buka restoran."

"Baguslah begitu," sahut Hajjah Maimoon, "Kita boleh dapat nasi-goreng percuma. Dan bila kenduri-kendara, tidak payah pinjam-mempinjam lagi."

Wahab naik meradang lagi, "Engkau jangan mengiaikan barang yang aku tidak suka. Kakak engkau sudah belanjakan lebih dari tiga ratus ringgit. Dan aku yang pentat memikul."

"Kak Nya bukan *jolly*. Dia beli harta, apa salahnya?" tanya Cik Som.

"Engkau pun sama, sekupang sepuluh duit. Bukan, bukan. Lebih dari sama, sekupang dua puluh duit. Hajjah Maimoon dapat untung sekali ganda, engkau dua kali ganda." Wahab berkata dengan keras.

"Saya cuma hendak menolong, memberi peluang saudara-marà hendak membeli-belah di Singapura. Abang Wahab patut berterima kasih," kata Hajjah Maimoon.

"Saya pula belikan barang-barang untuk anak-saudara yang tidak ada peluang atau kelapangan untuk berbelanja di sini," kata Cik Som.

"Kalau engkau, Hajjah Maimoon, tidak menghasut isteri aku ikut serta dalam rombongan ini, aku tidak terpaksa belanja sampai beratus-ratus. Ini belum tamat lagi. Lepas ini, kita singgah di Sungai Road. Jangan tunjukkan kedai kain batik. Lepas Sungai Road, ke mana lagi?" Wahab berhenti sejenak. Dengan suara yang kuat ia berteriak, "Drebar, kita terus pulang sekarang juga."

"Jangan," teriak seisi bas.

"Kita mahu pergi ke Rochore, ke Makam Habib Noh, ke Pasir Panjang dan ke Woodlands, sebagaimana sudah dijanjikan," sahut suara dari belakang.

"Ini semua engkau punya pasal," mengeluh Wahab. "Engkau hendak cari untung, aku dapat susah."

"Semua orang dapat melancung, saya pula yang diselskan," jawab Hajjah Maimoon.

"Kalau takut keluar duit, duduk kedai Salim minum kopi-o bukan baik?" sahut Rahim.

"Engkau lagi satu. Engkau kata Singapura baik. Engkau jadi trompet Lee Kuan Yew," tedas Wahab. "Baik apa? Aku hendak bayar duit dekat Katong tadi, pekedai-pekedai di situ mahu potong duit kita tiap-tiap \$100 potong \$10. Mana murah barang kalau ringgit kita sudah jatuh sebegitu banyak?"

Kalau duit kita sudah kurang, barang-barang dari Singapura tentu naik harga di Melaka. Jadi, murah juga di sini," jawab Rahim dengas lekas.

"Potong sedikit, apa salah?" tanya Hajjah Maimoon.

"Engkau jangan cakap banyak," teriak Wahab dengan keras sambil memandang terhadap Hajjah Maimoon. "Engkau takut orang kampung tidak ikut rombongan engkau lagi. Perniagaan engkau akan kandas. Engkau fikir aku tidak tahu, engkau dapat keuntungan yang banyak pada tiap-tiap *trip* ke mari. Engkau sewa bas, berisi 42 penumpang, sebanyak \$500. Engkau ambil seorang \$16, pergi-balik. Jadi, engkau dapat \$672, yaitu untung bersih sebanyak \$172 satu *trip*."

Wahab berhenti sejurus untuk mengambil nafas. Kemudian ia menyambung lagi, "Bukan sahaja itu. Taukey bas beri engkau, kerana kerja kuat mencari *passenger*, tiap-tiap sepuluh orang satu tiket percuma. Jadi, engkau dapat empat tiket *free*, kerana menjual kital Kemudian, engkau jual tiga tiket percuma itu. Jadi, dapat \$48 lagi. Engkau sendiri naik *free*. Kalau engkau dapat *organise* dua rombongan sebulan, sudah dapat \$440, macam gaji kerani besar. Ini pendapatan sambilan sahaja! Patutlah



engkau lantang mengatakan beli banyak-banyak kita buat harita, belanja banyak-banyak memang bagus, datang ke Singapura selalu, dapat beli barang murah!"

"Kalau Abang Wahab tidak mahu beli barang langsung pun tiada yang melarang," cehah Cik Som. "Tengok sahaja gadis-gadis lalu-lintas."

"Engkau pun dua kalu lima sepuluh. Engkau lebih banyak dapat untung," kata Wahab dengan suara yang agak keras. "Engkau beli satu radio kecil \$8, engkau jual \$24. Beli jam \$10, jual \$30. Satu kain batik \$7, jual \$18. Engkau pergi ke ceruk-ceruk kampung. Orang perempuan tanya beberapa harga selai kain batik, engkau kata \$18 sahaja. Paling murah, boleh ansur \$2 sebulan. Tapi, engkau ambil modal engkau dahulu; yaitu cangkeram sebanyak \$10. Itu pasal engkau ghairah betul. kempen Singapura paling hebat."

Teriak Rahim, "Adat orang meniaga memang begitu, hendak mencari keuntungan."

"Engkau patut diam," jawab Wahab dengan serta-merta. "Yang kita datang beramai-ramai ini hendak mencari keuntungan? Tiap-tiap seorang dalam bas ini bawa tidak kurang dari \$300. Jadi, satu bas sahaja bawa kira-kira \$12,000. Engkau lihat, tiap-tiap hari berpuluhan-puluhan bas macam ini masuk Singapura. Privetsatu pun tidak terhingga banyaknya. Yang jalan kaki dari Johor ke Woodlands tidak terkira. Semua ini bukan mencari keuntungan, tetapi mencurahkan wang untuk Taukey Lee engkau. Yang engkau bertegang leher mengatakan Singapura baik, apa engkau dapat?"

"Dia saja usek-usek, Encik Wahab," sahut drebar bas.

"Baik taukey bas tiada di sini. Kalau ada, aku hantam juga. \$500 untuk perjalanan satu hari, bukan main banyak untung!"

Ketika itu, bas pun berhenti di Sungei Road. Hajjah Maimoon berdiri serta berteriak, "Kita akan berada di sini selama kira-kira satu jam. Di seberang sana ialah Arab Street, di mana boleh membeli berbagai jenis kain batik jawa, dan di kanan sana adalah tempat membeli khazanah lain-lain yang murah. Bas akan bertolak dari sini tepat jam dua petang. Kita boleh makan di Makam Habib Noh."

Mendengar perkataan "berbagai jenis kain batik jawa," Wahab menekap kepalanya sambil berteriak, "Mati aku!"

Di perhentian Sungei Road, seisi bas turun dan menyegerangi jalan untuk ke Arab Street. Rahim tersengkeh-sengeh mengikuti jejak isterinya. Sambil memotong Wahab dan isterinya, ia berkata, "Lain kali, kalau tidak berani keluar duit, jangan bawa orangrumah." Dan khas untuk isteri Wahab, ia berteriak, "Belikan Wahab kain-kasa-cermin dua helai, baru dia tidak berungut lagi."

Muka Wahab kelihatan lebih keruh dari yang sudah-sudah.

Tepat jam dua petang, semua penumpang sudah berada di tempat masing-masing dalam bas. Setelah itu bas

pun keluar dari Sungei Road untuk menuju ke Makam Habib Noh dekat dengan Robinson Road, tidak jauh dari pusat bandar.

Sedang bas berjalan melalui North Road dan melegakan kesunyian, drebar bas telah bertanya, "Banyak kain batik Kak Nyonya beli tadi?"

Wahab tidak nanti jawapan dari isterinya. Ia terus membidas, "Banyak. Aku sudah telekop \$200 lagi. Dan Lee Kuan Yew sudah untung \$20 lagi. Budak-budak menjual di tepi jalan pun tiada hormat dengan duit ringgit kita. Semua mahu potong 10 peratus. Kata, kita sama-sama dalam ASEAN, patut hormat-menghormati. Ini, duit kita dianggap macam duit Jepun masa perang dahulu sahaja."

"Orang berniaga, adik-beradik pun mahu sembelih," kata Rahim.

"Nampaknya, kita yang kena sembelih!" sahut Wahab.

"Orang, lain kali, sebelum datang kemari, tukar dahulu duit Singapura," kata conductor bas.

"Patutlah, aku lihat budak-budak belakang itu menukar duit Singapura dari Restoran Motel Tanjung Kling," kata Wahab lagi.

"Encik Wahab apa beli?" tanya pula drebar bas.

"Aku tidak beli apa-apa," jawab Wahab. "Aku tidak perlu apa-apa dari Singapura ini. Aku datang hendak melihat kemajuan. Aku lihat ada perubahan tentang jalanan raya serta bangunan-bangunan sahaja. Lain dari itu, macam bawah pemerintahan Inggeris lagi."

"Aku lihat Wahab di kedai buku tadi. Ada beli buku atau tidak?" tanya Rahim.

"Said Hassan kirim aku beli buku *The Malay Dilema* oleh Dr. Mahathir," jawab Wahab.

"Jangan beli buku itu," kata Rahim dengan keras. "Buku itu tidak dibenarkan bawa masuk ke Malaya."

"Aku berat hendak beli buku itu. Harganya mahal dan Said Hassan tidak memberi satu sen pun," sahut Wahab. Ia berkata lagi, "Aku hairan mengapa kerajaan kita tidak membenarkan rakyatnya membaca buku yang ditulis oleh Timbalan Perdana Menterinya. Kalau buku itu subversif, penulisnya tentu sekali subversif."

"Kalau subversif, bolehkah menjadi Timbalan Perdana Menteri?" tanya Rahim.

"Itu yang aku pelik." Wahab terdiam sejenak. Kemudian ia berkata, "Di sini, kerajaan Singapura telah memberi kerjasama mereka. Kita boleh beli dan baca di sini buku itu."

"Aku tengok engkau lama memilih-milih buku, macam siswa universiti," kata Rahim lagi.

"Cikgu Mokhtar pesan aku carikan buku *Bumi Manusia* oleh Pramoedya Ananta Toer," sahut Wahab. "Katanya, dia mahu baca tulisan Pram setelah dipenjarakan selama empat belas tahun. Dia mahu tahu, dapatkah dia dipatahkan, atau pun ia menjadi lebih matang lagi."

"Apa pasal Cikgu Mokhtar tidak datang cari buku itu

sendiri?" tanya Rahim. "Dia suruh engkau pula. Aku dengar buku itu diharamkan oleh Suharto. Kalau ASEAN bekerjasama betul-betul, engkau yang akan dipenjarakan kerana membawa buku itu."

"Itulah Abang Wahab, hendak beli kain-baju betul-betul banyak pantang-larangnya, tetapi beli buku bukan-bukan tidak menjadi soal," celah Hajjah Maizoon.

"Aku pun mahu tahu apa isi buku itu," Wahab menerangkan lagi. "Kalau aku belikan, aku baca dahulu, kemudian baru aku beri kepada Cikgu Mokhtar. Jadi, aku dapat baca percuma sahaja. Harganya mahal, \$18 senas-kah. Ini pun kira keuntungan juga."

Sambil bercakap, bas sudah melalui padang yang luas di hadapan bangunan kerajaan. Sampai dekat jambatan yang menyeberangi Sungai Singapura, mereka melihat berdiri tercegak patung tembaga Raffles.

Wahab sengaja berkata, "Tengok itu, patung Raffles masih kukuh di tengah-tengah bandaraya ini. Sudah mencapai kemerdekaan, bukankah baik dihantar sahaja ke Muzium Singapura?"

"Engkau hendak mengata orang," jawab Rahim dengan pantas. "Mendulang paku serepeh, mengata orang awak yang lebih. Apa masih ada di Bandar Melaka? Pintu Kota Santiago yang digelar A Famosa masih menjadi lambang lagi. Bukankah itu lambang penjajahan di rantau sini?"

Rombongan itu berhenti makan di perkarangan Makam Habib Noh. Selepas itu, ada yang keluar berjalan-jalan. Isteri Wahab sudah letih, tidak mahu ke mana-mana lagi. Sebenarnya, ia tidak berhajat hendak membeli apa-apa lagi.

Wahab seorang diri pergi ke Change Alley. Di kedai-kedai yang berdekatan, ia cuba bertanya tentang harga radio dan cassette-player. Ia telah ditunjukkan dua alat yang hampir sama. Kedua-duanya buatan Sanyo. Tetapi, mengikut penjual itu, satu mempunyai *guarantee* antara-bangsa dan satu lagi dijamin oleh pembuat tempatan sahaja. Jelaslah bahawa di Singapura sekarang ini, terdapat banyak barang-barang tiruan yang berharga paling murah.

Pada tepat jam 3.30 petang rombongan itu mulai bertolak dari City untuk ke Pasir Panjang untuk melihat-lihat taman kepunyaan jutawan Aw Boon Haw. Oleh kerana kesuntukan masa, bas mereka hanya berpusing di hadapan taman tersebut. Dari Pasir Panjang mereka mengarah ke Woodlands, melalui kawasan perusahaan Jurong dan Chua Chu Kang.

Semakin laju bas mereka mara ke hadapan, semakin dekat mereka dibawa ke tempat pemeriksaan kastam. Semakin rapat mereka ke kastam, seisi bas semakin menjadi sunyi. Masing-masing hendak menyediakan jawapan untuk pegawai-pegawai kastam.

Untuk memecahkan kesunyian itu, Wahab berkata, "Aku tidak beli apa-apa, selain dari rokok untuk hisapan

sendiri. Jadi, aku tidak gentar." Mengerling pula kepada Cik Som, ia berbisik, "Kalau aku beli kain batik banyak-banyak, aku pakai tujuh helai sekali gus."

"Siapa hendak jahitkan dalam tempuh setengah jam?" tanya Cik Som, gelisah.

"Aku beli kain batik lepas," jawab Wahab. "Dan aku beli kain batik jawa yang boleh digumpal dalam telapak-tangan. Aku sumbat-sumbatkan dalam beg tangan."

Muka Cik Som bertambah merah.

Tiba di Woodlands, bas itu berhenti sekali lagi sebelum menghadapi pemeriksaan pihak Singapura. Di sini, hampir semua penumpang turun untuk membeli buah-buahan atau barang-barang dalam tin.

Wahab terpaksa turun untuk membeli buah *apple*, buah anggur dan laichi dalam tin. Sebenarnya, ia membeli agak banyak sedikit kerana ramai yang berpesan. Dia terpaksa juga membawa balik buah-buahan dari Selatan. Untuk dirinya sendiri, dia beli hanya sedikit sahaja.

Bas itu berlepas dari situ pada jam lima petang. Di tempat pemeriksaan Singapura, mereka terpaksa turun tetapi tidak dipaksa membawa bersama barang-barang masing-masing. Pemeriksaan tidak lama. Selepas itu mereka naik bas semula dan bertolak mengikuti Titian Tebrau untuk memasuki Johor.

Mereka menghampiri pemeriksaan Johor Bahru pada kira-kira 5.30 petang. Inilah masa yang paling sibuk sekali. Beratus-ratus kereta, bas dan lorry beratur untuk masuk ke Malaya. Beratur sahaja memakan masa lebih dari satu jam. Kesibukan yang luarbiasa ini adalah disebabkan



oleh beribu-ribu rakyat Malaya balik dari bekerja di Singapura. Inilah masa mereka balik dari kerja.

Bila sampai sahaja di tempat pemeriksaan, kesemua sekali diperintahkan turun dari bas. Mereka melalui sekatan immigrasi dengan mudah sahaja. Tetapi, di pemeriksaan kastam, kesemua barang-barang terpaksa dibawa bersama untuk diperiksa.

Wahab terpaksa berulang tiga kali untuk membawa segala khazanah yang telah dibeli oleh isterinya. Isterinya duduk menunggu di bangku kastam sahaja.

- Banyak betul barang-barang dibeli?
- Sedikit sahaja, Datuk.
- Hendak buat meniaga?
- Tidak, Datuk. Buat pakaian sendiri sahaja.
- Ini pinggan-mangkuk Briko hampir \$300. Kain batik tidak kurang dari \$200. Kain-baju dan lain-lain kira-kira \$200. Semua lebih-kurang \$700. Ada surat beli?
- Tiada ambil surat, Datuk. Saya beli di tepi jalan sahaja.
- Lain kali ambil surat. Ini buah-buahan dan laichi lebih dari patutan.
- Berapa cukainya Datuk? Saya beli semua kira-kira \$200 sahaja.
- Cukainya \$120.
- Tiada cukup duit Datuk. Saya ada cuma \$50 sahaja.
- Baiklah pergi bayar di sana \$70.

Setelah membayar cukai dan mengambil resitnya, Wahab serta isterinya terus mengikuti orang-orang yang lain menaiki bas mereka. Sambil berjalan menuju tempat bas menunggu, Wahab berkata, "Baik boleh tawar-menawar. Kalau tidak, aku terpaksa tinggalkan Briko dan kain batik engkau dengan kastam itu."

Suasana di dalam bas bertukar menjadi riang setelah bas berjalan meninggalkan pekan Johor Bahru. Masing-masing gembira menceritakan peristiwa mereka di hadapan pegawai kastam. Semua memuji drebar bas memilih masa itu untuk melalui pemeriksaan kastam. Kalau mereka tidak sibuk, tentu sekali mereka bongkar semua bungkus-satu-per-satu.

Di waktu bas itu melalui istana Johor, Rahim mulai berkata, "Wahab, betul atau tidak, aku kata barang-barang di Singapura murah. Apple, 6 buah seringgit; anggur, \$2.50 sepaun; kain batik, \$6 sehelai. Di Melaka apple sebiji 50 sen; anggur, \$5 sepaun; kain batik, \$17 sehelai. Rumah-pangsa sudah banyak didirikan; jalanraya tidak sempit lagi, dan bandaraya itu sungguh bersih."

Dengan perlahan, Wahab menjawab, "Aku tidak hairan kalau banyak rumah didirikan oleh mereka. Kerana pulau itu kecil, tentu sekali nampak banyak bilangan ser-

ta kemas diatur rumah-rumahnya. Aku tidak juga kagum tentang kebersihan pulau itu kerana lebih mudah hendak membersihkan laman yang kecil dari kawasan yang luas.

"Tentang barang murah, apa macam?" tanya Rahim lagi. "Engkau tentu sudah lihat beras yang kita beli dengan harga 94 sen di Melaka berharga cuma 74 sen di Woodlands, sedangkan Singapura tidak mempunyai seinci pun bendang untuk menanam padi. Apple dan anggur datang dari tempat yang sama, tetapi lebih mahal di tempat kita."

"Pun aku tidak hairan itu semua. Engkau mahu tahu mengapa?" tanya Wahab dengan keras. "Bila Tengku Singapura keluar dahulu, Lee terpaksa menjalankan polisi mahu hidup. Kalau engkau pun kena singkir macam itu, engkau juga akan bertindak pintar. Kalau engkau buka kedai mee lapan batu dari bandar dan engkau jual lebih mahal dari kedai-kedai di bandar, toyol pun tidak akan pergi ke tempat engkau. Begitu juga, kalau barang-barang di Singapura lebih mahal atau pun sama harga dengan di tempat kita, lalat-langau pun tidak akan ke sana. Apa macam mereka hendak hidup? Tiada getah, tiada sawah, tiada bijih, tiada kelapa sawit, tiada minyak, tiada apa-apa pun."

"Engkau cakap macam engkau ini ahli ekonomi," kata Rahim.

"Bukan soal ahli." jawab Wahab dengan senang. "Umum, selain dari engkau, tahu. Jadi, Lee murahkan harga apple, anggur dan laichi. Engkau beli satu paun anggur, dua biji apple dan tiga tin laichi, tetapi engkau curahkan kepadanya tidak kurang dari \$400 seorang. Siapa sudah jadi bodoh?"

"Engkau tuangkan lebih banyak dari aku."

"Ini bukan perkara bergurau. Lee tarik orang kaya juga. Siapa bawa \$250 diberi kerakyatan. Wang serta hartawan berlumba ke sana." Wahab memberi keterangan. "Yang menjadi soal ialah mengapa kita berombongan ke Singapura? Dan siapa yang beruntung? Kita ke sana kerana nyata benar kita kekurangan sesuatu. Yang beruntung tidak lain dari Taukey Lee."

"Apa harus kita buat?" tanya Rahim.

Hampir semua dalam bas sudah tidur kerana keletihan. Hanya engin bas sahaja menderam panjang.

Di dalam suasana tenang itu, Wahab menjawab, "Inilah yang aku fikir-fikirkan. Kalau kaki kita sakit kerana kudis, ubatilah kudis itu. Kalau kerana Singapura, kita menderita, ambillah semula pulau itu ke pangkuan ibu pertiwi."

N1

## JOHN LENNON:

### The Man Behind The Myth

John Lennon's death was one of those events that caused millions to stop and think about their past, about a nostalgically remembered era, the 1960s, and about the Western world today.

As a former member of the British music group the Beatles, Lennon's music helped mold, and reflected, the values of an entire generation. What were those values?

As an inspirational seer, Lennon could evoke a utopia that millions of people shared as their own ideal. It's a place where there are no possessions, no classes, no war, where all anyone needs is love. Through his songs and his public imagery, Lennon preached the possibilities of paradise and gave eloquent voice to a generation's yearning for co-operation and community.

"All we are saying," Lennon sang, "is give peace a chance." He returned his *Order of the British Empire* medal, awarded to the Beatles by Queen Elizabeth, because of what was happening in Vietnam. In 1970, he and his musical partner and wife Yoko Ono took out full page ads stating their philosophy: "The war is over if you want it to be."

Lennon's art protested the violence of present day class society and called for a sane and gentle alternative. The former Beatle's vague guide to universal harmony, however, offered no way to make the dream come true.

#### Class

A man of constant contradiction, Lennon was an enormously wealthy humanitarian who wanted to do good without disturbing those that are responsible for evil. He talked about one facet of his di-

lemma in an interview he gave *Playboy* magazine last year. How do you reconcile your fortune with your politics, the reporter wanted to know. "You're supposed to be a socialist, aren't you?"

"In England," Lennon replied, "there are two things to be basically: You're either for the labour movement or for the capitalist movement. Either you become a right-wing Archie Bunker if you're in the class I'm in, or you become an instinctive socialist, which I was. That meant I thought people should get false teeth and their health looked after, all the rest of it. But apart from that, I worked for money, and I wanted to be rich. So, what the hell—if that's a paradox, then I'm a socialist. But I'm not anything. What I used to be is guilty about money."

Lennon had apparently been quite successful in overcoming whatever guilt he once felt about money. He was worth some US \$240 million at the time of his death, with his assets including five apartments at New York City's exclusive Dakota residence, several mansions, a few farms, herds of cattle valued at US\$60 million, a private plane and a 62-foot yacht. He reportedly made US\$25 million a year on royalties from his records.



(Sumber: Star)

Unlike many other rock stars, Lennon still seemed to be genuinely concerned about the issues that percolated during the 1960s, and he apparently remained committed to the countercultural style of that period. But it's also possible that Lennon's huge financial holdings made him even more reluctant to oppose an economic system which he had seldom criticized during his Beatle days anyway.

#### Househusband

In the area of sexual politics and personal lifestyle, however, Lennon exhibited no such ambivalence. He spent the last five years of his life as a self-described *househusband* caring for his and Ono's son and tending to domestic duties.

It's not women like Ono that have changed so much in the past few years, Lennon said in the *Playboy* interview, "I'm the one who has come a long way. I was the pig. And it's a relief not to be a pig. The pressures of being a pig were enormous."

He had also apparently taken a self-critical look at the traditional male pose and its implicit denigration of women. "I don't have any hankering to be looked upon as a sex object—a male, macho rock-n-roll singer. I got over that a long time ago," he told the *Playboy* interviewer. "So, I like it to be known that, yes, I looked after the baby and I made bread and I was a househusband, and I am proud of it."

Yes, it does seem that John Lennon was a most expressive symbol for a turbulent period that changed many social customs and cultural trappings but which left the foundations essentially intact. Long hair, LSD, *free love*, rock-n-roll, antiwar marches, *flower-power*. The Beatles, John Lennon was at the center of them all, but they were all, it turns out, mostly on the periphery.

# **UNTUK NUSA DAN BANGSA**



**DITERBITKAN SETIAP HARI JUMAAT**


---

Cable: WATANIAH Kuala Lumpur  
P.O. Box 2454

399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
Kuala Lumpur.  
Tel: 980044.

---

# Rasa Perisa



Cemerlang laksana emas Benson & Hedges...  
rasa yang cukup bermutu di dunia

Dicipta dan disempurnakan oleh Gedung Benson & Hedges

AMARAN OLEH KERJAJAHAN MALAYSIA  
MEPOKOK MUSANG TAWAKAN KESIHATAN